

7

Perdagangan Luar Negeri, Imbangan Pembayaran dan Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing

Prestasi Eksport

Pendapatan eksport Malaysia dijangka meningkat sebanyak 6% kepada RM208.9 bilion pada tahun 1997, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 6.5% atau RM197.0 bilion pada tahun 1996. Pertumbuhan eksport yang lebih perlahan ini disebabkan oleh pertumbuhan pendapatan eksport barangan perkilangan yang perlahan akibat kejatuhan harga eksport berpunca daripada persaingan pasaran global walaupun jumlah permintaannya terus kukuh, dan juga pendapatan eksport petroleum mentah yang lebih rendah. Eksport barangan perkilangan dijangka meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 6% kepada RM169.0 bilion pada tahun 1997 (1996:8.1%), menyumbangkan 80.9% daripada jumlah pendapatan eksport. Pertumbuhan yang perlahan ini disebabkan oleh kejatuhan dalam harga eksport terutamanya bagi keluaran elektrik dan elektronik. Eksport komoditi pertanian utama pula dijangka meningkat sebanyak 0.9% kepada RM19.8 bilion (1996: - 9.6%), akibat peningkatan eksport minyak kelapa sawit dan minyak isirong kelapa sawit. Pendapatan eksport petroleum mentah dijangka merosot sebanyak 1.7% kepada RM7.1 bilion (1996: 7.6%) disebabkan oleh jumlah eksport yang rendah. Namun begitu, pendapatan eksport sektor perlombongan dijangka meningkat sebanyak 15.3% kepada RM14.1 bilion pada tahun 1997 (1996: 18.3%) didorong oleh nilai eksport gas asli cecair yang dijangka meningkat sebanyak 45.9%. Oleh itu, jumlah pendapatan eksport komoditi utama dijangka meningkat sebanyak 6.5% kepada RM33.8 bilion, menyumbangkan 16.2% daripada jumlah pendapatan eksport (1996:16.1%).

Eksport Barangan Perkilangan

Eksport barangan perkilangan dijangka mencatatkan pertumbuhan perlahan sebanyak 6%


pada tahun 1997 (1996: 8.1%). Prestasi eksport yang kurang memberangsangkan ini terutamanya disebabkan kemerosotan harga-harga separa pengalir dan peralatan audio visual yang berterusan lemah akibat kapasiti yang berlebihan di peringkat dunia walaupun jumlah pendapatan eksport separa pengalir serta kimia dan produk kimia meningkat.

Jadual 7.1
Eksport Perkilangan

Tahun	1996 % Sumbangan	% Perubahan	
		1996 (Januari- Julai)	1997 (Januari- Julai)
Elektrik, elektronik dan jentera	65.4	17.2	2.2
Tekstil, pakaian dan kasut	4.5	11.2	0.4
Makanan, minuman dan tembakau	2.4	7.6	-1.0
Keluaran berasaskan kayu	4.8	17.5	11.8
Keluaran berasaskan getah	2.3	16.7	2.0
Keluaran petroleum	2.1	11.6	1.9
Kimia dan keluaran kimia	5.2	8.4	13.8
Keluaran galian bukan logam	1.1	5.7	-1.3
Besi dan keluli dan keluaran logam	3.4	17.8	-7.3
Kelengkapan pengangkutan	2.9	-5.0	-11.9
Lain-lain	5.9	17.9	-3.7
Jumlah	100	15.1	1.8

Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 7.1
Struktur Eksport



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah
Sumber : Jabatan Perangkaan.

Pertumbuhan pendapatan eksport barangan perkilangan yang perlahan juga mencerminkan asas jumlah eksport yang besar yang terhasil pada tahun-tahun kebelakangan ini khususnya 1994 dan 1995 apabila eksport barangan perkilangan masing-masing meningkat sebanyak 33.9% dan 22.9%.

Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, eksport barangan perkilangan meningkat pada kadar yang kecil sebanyak 1.8% (Januari-Julai 1996: 15.1%) kepada RM92.9 bilion dan menyumbang 80.2% daripada jumlah eksport. Hampir semua kategori eksport kecuali kimia dan keluaran kimia mencatatkan pertumbuhan perlahan atau negatif dalam tempoh kajian. Keluaran elektronik dan elektrik serta produk getah mencatatkan pertumbuhan pendapatan eksport yang lebih rendah sebanyak 2.2% dan 2% pada tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan 17.2% dan 16.7% yang telah dicapai pada tempoh yang sama tahun 1996. Eksport keluaran makanan, keluaran logam, keluaran galian bukan

logam serta kelengkapan pengangkutan mencatatkan pertumbuhan negatif. Walau bagaimanapun, eksport kimia dan keluaran kimia meningkat dengan ketara sebanyak 13.8% (Januari-Julai 1996: 8.4%) dan keluaran kayu meningkat sebanyak 11.8% (Januari-Julai 1996: 17.5%). Eksport tekstil, pakaian dan kasut meningkat pada kadar yang kecil iaitu 0.4% (Januari-Julai 1996: 11.2%).

Eksport keluaran elektronik dan elektrik masih merupakan komponen terbesar dengan menyumbang sebanyak 66% kepada jumlah eksport dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 diikuti oleh kimia dan keluaran kimia 5.5%, keluaran kayu 4.9% dan tekstil, pakaian dan kasut 4.3%.

Singapura, Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun masih kekal sebagai pasaran utama eksport barangan perkilangan. Pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, negara-negara ini menyumbang lebih daripada 70% kepada jumlah eksport negara. Dalam tempoh yang sama eksport ke Singapura meningkat sebanyak 5.4% dan

Jadual 7.2

**Haluan Negara Utama bagi Eksport
Perkilangan¹**
(% daripada jumlah)

	1996	1997 Januari-Julai
Amerika Syarikat	22.5	21.5
Kesatuan Eropah:	14.8	15.6
United Kingdom	4.1	3.8
Jerman	3.5	3.5
Jepun	11.1	10.9
Singapura	22.4	22.6
Lain-lain	29.2	29.4
Jumlah	100.0	100.0

¹ Termasuk SITC 1.5, 6.7 and 8

Sumber: Jabatan Perangkaan

menyumbang 22.6% kepada jumlah eksport sementara eksport ke EU meningkat sebanyak 9.7% dan menyumbang sebanyak 15.6%. Eksport ke AS merosot sebanyak 7.6% dan menyumbang 21.5%, sementara eksport ke Jepun merosot sebanyak 1.9% dan menyumbang 10.9% kepada jumlah eksport.

Elektrik, Elektronik dan Jentera

Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, eksport **keluaran elektrik, elektronik dan jentera** berkembang dengan kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.2% kepada RM61.2 bilion (Januari-Julai 1997 : 17.2%). Sungguhpun kadar pertumbuhan pengeluaran kukuh pada tempoh yang sama, pertumbuhan nilai eksport telah terjejas oleh kejatuhan harga-harga eksport. Harga-harga keluaran elektrik pengguna seperti audio visual dan separa pengalir seperti cip 'digital random access memory' (DRAM) telah mengalami kesan kejatuhan ini sejak akhir tahun 1995. Kejatuhan ketara harga-harga produk ini di pasaran dunia disebabkan oleh lebihan kapasiti pengeluaran sektor tersebut. Walau bagaimanapun, sebagai satu kumpulan, keluaran elektrik, elektronik dan jentera masih merupakan penyumbang terbesar dari segi pendapatan pertukaran asing dalam sektor perkilangan, iaitu sebanyak 66% daripada jumlah nilai eksport keluaran perkilangan pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997.

Eksport **keluaran elektronik** yang meliputi separa pengalir dan peralatan elektronik dan alat ganti meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 10.9% kepada RM41 bilion berbanding dengan 29.4% pada tempoh yang sama tahun 1996. Pertumbuhan pendapatan eksport daripada produk-produk elektronik adalah didorong oleh pertumbuhan dalam eksport peralatan elektronik dan alat ganti yang termasuk mesin memproses data automatik, resistor, transformer dan papan litar bercetak. Eksport keluaran tersebut telah meningkat sebanyak 26.6% kepada RM20 bilion (Januari-Julai 1996: 36%). AS, Singapura, Jepun dan Taiwan masih merupakan pengimport utama keluaran elektronik Malaysia. Walau bagaimanapun, eksport separa pengalir merosot dengan ketara sebanyak 0.8% kepada RM21 bilion (Januari-Julai 1996: 24.9%) disebabkan oleh harga-harga yang lebih rendah bagi keluaran tersebut di pasaran dunia. Namun begitu separa pengalir masih merupakan penyumbang pendapatan asing yang terbesar iaitu sebanyak RM21.2 bilion atau 22.8% daripada jumlah pendapatan eksport sektor perkilangan.

Eksport **keluaran elektrik pengguna** termasuk alat terima siaran televisyen dan radio, dan alat rakaman dan pengeluaran suara, terus merosot sebanyak 17.4% (Januari-Julai 1996: -4.9%). Keluaran-keluaran ini telah mengalami kejatuhan eksport kesan daripada kemerosotan jumlah eksport dan harga disebabkan oleh persaingan yang sengit daripada pengeluar-pengeluar berkos rendah.

Eksport keluaran **alat kelengkapan elektrik isirumah** termasuk peti sejuk, pemasak nasi, mesin pembasuh, kipas dan peralatan lain juga merosot sebanyak 7.3% (Januari-Julai 1996: 21.6%) disebabkan kejatuhan harga dan permintaan luar yang lebih rendah. Harga-harga dan permintaan yang lemah telah memberi kesan kepada kejatuhan eksport keluaran jentera dan peralatan elektrik industri sebanyak 21% kepada RM4.2 bilion (Januari-Julai 1996: 1.9%). Bagi keluaran elektrik industri dan komersil, eksport peralatan mesin pejabat telah merosot sebanyak 8.4% manakala eksport peralatan telekomunikasi, meningkat sebanyak 7.3% didorong oleh jumlah eksport yang mampan ke AS, Jepun dan Singapura.

Jadual 7.3

**Haluan Negara Utama Bagi Eksport Komponen Elektronik
(Januari-Julai)**

Negara	1996		1997		Perubahan Tahunan %
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	
Amerika Syarikat	6,114	28.9	5,040	24.0	-17.6
Singapura	5,219	24.7	5,568	26.5	6.7
Belanda	254	1.2	1,151	5.5	353.1
Jepun	2,158	10.2	1,793	8.5	-16.9
Hong Kong	1,512	7.1	1,489	7.1	1.5
Taiwan	1,711	8.1	2,182	10.4	27.5
Lain-lain	4,200	19.8	3,778	18.0	-10.0
TOTAL	21,168	100.0	21,001	100.0	-0.8

Sumber: Jabatan Perangkaan

Tekstil, Pakaian dan Kasut

Pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, eksport **tekstil asas** meningkat sedikit pada kadar 0.5% berbanding dengan peningkatan sebanyak 8.1% yang dicatatkan pada masa yang sama tahun 1996. Melainkan eksport kain kapas yang ditenu dan kain tenun daripada serabut tiruan yang meningkat masing-masing sebanyak 6.1% dan 12.1%, eksport semua jenis keluaran tekstil merosot. Eksport komponen terbesar tekstil iaitu benang tekstil, merosot sebanyak 4.5%, sementara eksport fabrik berkait merosot sebanyak 1.7%, kain kasa, renda, reben dan sebagainya merosot 4.5%. Eksport barang tekstil menurun sebanyak 12.1% dan penutup lantai 11.6%. Kemerosotan ketara eksport tekstil asas disebabkan permintaan yang berkurangan memandangkan produk-produk yang hampir sama boleh diperolehi daripada negara-negara pengeluar berkos rendah. Berikutan ini para pengeluar tekstil telah beralih kepada pengeluaran produk-produk nilai ditambah tinggi, sementara beberapa pengeluar telah memindahkan kilang ke luar negeri.

Eksport **pakaian dan aksesori pakaian** meningkat sebanyak 2% (Januari-Julai 1996: 1.9%) kepada RM1.9 bilion pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Bagi pakaian wanita daripada kain tekstil, pendapatan eksport merosot kepada

Jadual 7.4

**Eksport Tekstil, Pakaian dan Kasut
(RM juta)**

Tahun	1996	1996 (Januari-Julai)	1997 (Januari-Julai)
Tekstil	3,276.0	1,908.6	1,918.9
Pakaian	3,408.5	1,839.6	1,876.8
Kasut	278.6	169.2	156.9
Lain-lain	131.7	82.5	58.6
JUMLAH	7,094.8	3,999.9	4,011.2

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 7.5

**Haluan Utama bagi Eksport
Pakaian dan Aksesori
(RM juta)**

Tahun	1996	1996 (Januari- Julai)	1997 (Januari- Julai)	Perubahan Tahunan (%)
Amerika Syarikat	1,656.1	774.2	802.0	3.5
Kesatuan Eropah	1,476.3	592.9	612.7	3.3
Hong Kong	1,048.5	40.8	35.3	-13.5
Singapura	662.9	168.6	150.5	-10.7
Jepun	382.3	119.8	114.6	-4.3
Lain-lain	1,458.4	143.2	161.7	12.9
JUMLAH	6,684.5	1,839.5	1,876.8	2.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

8.7% dan bagi pakaian wanita berkait, 9.8%. Eksport aksesori pakaian juga merosot sebanyak 10.2%. Eksport pakaian dan aksesori pakaian yang tidak berubah adalah selaras dengan arah aliran pengeluaran yang berkurang disebabkan beberapa unit pengeluaran telah berpindah ke luar negeri. Eksport **kasut** merosot sebanyak 7.3% (Januari-Julai 1996: 5.4%) berikutan berkurangnya permintaan bagi kasut kulit. Secara keseluruhan, eksport **tekstil, pakaian dan kasut** meningkat pada kadar yang kecil sebanyak 0.4% (Januari-Julai 1996: 11.2%)

Pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, AS masih kekal sebagai pasaran terbesar bagi pakaian dan aksesori pakaian, dengan menyumbangkan 42.7% kepada jumlah nilai pakaian dan aksesori pakaian yang dieksport, diikuti oleh EU, sebanyak 32.6%. Eksport ke pasaran kuota iaitu AS, EU, Kanada dan Norway meningkat sebanyak 2.9% kepada RM1.5 billion dan menyumbang 78.6% kepada jumlah eksport. Eksport ke pasaran bukan berkuota merosot sedikit dengan kadar sebanyak 1.2% kepada RM401.9 juta dan menyumbang 21.4% kepada jumlah eksport pakaian dan aksesori pakaian.

Keluaran Berasaskan Kayu

Pendapatan eksport **keluaran berasaskan kayu** pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 mencatatkan peningkatan sebanyak 11.8% kepada RM4.6 bilion berbanding dengan 17.5% pada tempoh yang sama 1996. Kadar pertumbuhan pendapatan eksport dua angka ini disebabkan oleh peningkatan harga venir dan papan lapis serta peningkatan permintaan bagi perabut. Ini meningkatkan sumbangan sektor kepada keseluruhan eksport perkilangan sebanyak 4.9% berbanding dengan 4.8% pada tempoh yang sama tahun 1996.

Eksport **venir dan papan lapis** yang menyumbang 69.6% daripada jumlah eksport keluaran kayu, bertambah sebanyak 9.7% (Januari-Julai 1996: 15.6%) kepada RM3.2 bilion. Peningkatan eksport papan lapis berpunca daripada kenaikan harga dan permintaan yang berterusan dari negara Asia Timur, khususnya Jepun dan Hong Kong. Jumlah eksport ke Jepun telah bertambah berikutan aktiviti pembinaan perumahan yang telah meningkat sebanyak 4% kepada 1.6 juta unit rumah. Harga venir juga telah meningkat disebabkan bertambahnya permintaan dari pasaran-pasaran seperti China, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

Perabut dan kelengkapan perabut semakin penting sebagai eksport perkilangan Malaysia. Industri ini telah menyumbang 30.4% daripada jumlah eksport keluaran kayu pada tempoh tujuh bulan pertama 1997. Eksport sektor ini meningkat sebanyak 16.7% kepada RM1.4 bilion pada tempoh tersebut. AS, Jepun dan Singapura merupakan pasaran eksport utama bagi perabut Malaysia terutamanya perabut siap untuk dipasang. AS adalah pengimport terbesar bagi perabut kayu, iaitu 39% daripada bahagian pasaran, diikuti oleh Jepun sebanyak 22%.

Keluaran Berasaskan Getah

Eksport **keluaran berasaskan getah** bertambah sedikit pada kadar sebanyak 2% kepada RM2.1 bilion pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 16.7%). Prestasi yang lemah ini terutamanya disebabkan persaingan yang sengit daripada pengeluar-pengeluar berkos rendah terutamanya bagi keluaran berasaskan susu getah. Walau bagaimanapun, sumbangan

keluaran getah kepada jumlah eksport perkilangan masih bertahan pada paras yang sama (2.3%) sepertimana yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1996.

Eksport **sarung tangan** (pembedahan dan bukan pembedahan) yang menyumbang sebanyak 70.8% kepada keseluruhan eksport keluaran getah telah meningkat pada kadar yang lebih rendah dengan ketara sebanyak 0.7% kepada RM1.5 bilion berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 27.5% yang dicatatkan pada tempoh yang sama 1996. Prestasi yang lemah ini berpunca daripada persaingan kuat dari negara-negara pengeluar berkos rendah seperti Indonesia dan Thailand. Tambahan pula, pengeluaran telah menurun disebabkan kekurangan bahan mentah yang disebabkan oleh pengeluaran getah yang berkurang dan masalah lain seperti kekurangan pekerja. Destinasi-destinasi eksport utama bagi sarung tangan buatan Malaysia ialah AS, Jepun dan Eropah. Eksport **tayar dan tiub** mencatatkan kemerosotan sebanyak 9.5% kepada RM108 juta pada tempoh kajian (Januari–Julai 1996: 37.1%) disebabkan terutamanya peningkatan permintaan domestik dan permintaan yang lebih perlahan dari negara-negara pengimport tradisi. Sebaliknya, pendapatan daripada eksport **barangan getah** bertambah sebanyak 6.9% kepada RM176 juta (Januari–Julai 1996: 7.3%).

Keluaran-keluaran yang berasaskan susu getah masih merupakan bahagian yang terbesar daripada keseluruhan eksport keluaran getah (70.8%) pada tahun 1997. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk mempelbagaikan keluaran industri ini kepada keluaran-keluaran yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Tambahan lagi, dalam menghadapi keadaan pasaran buruh yang ketat dan persaingan yang berterusan daripada negara-negara pengeluar berkos rendah, usaha-usaha perlu dihalakan kepada peningkatan nilai ditambah supaya kelebihan daya saingan Malaysia dalam keluaran getah terus mampan.

Makanan, Minuman dan Tembakau

Eksport **makanan, minuman dan tembakau** merosot sebanyak 1% kepada RM2.2 bilion pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari–Julai 1996 : 7.6%). Kemerosotan ini disebabkan

oleh eksport yang berkurangan bagi makanan dan minuman. Sumbangan sektor ini kepada jumlah pendapatan eksport kekal pada paras 2.3%

Eksport **makanan**, yang meliputi 81.8% daripada jumlah eksport sektor ini, merosot sebanyak 2.6% kepada RM1.8 bilion pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari–Julai 1996: 0.9%) disebabkan kemerosotan eskport kebanyakan jenis makanan seperti tepung (-17.9%), makanan binatang yang telah diproses (-32.2%), lemak dan minyak (-16.8%). Walau bagaimanapun, eksport keluaran tenusu melonjak sebanyak 34.8% (Januari–Julai 1996: -0.8%) berpunca terutamanya daripada pertambahan besar bagi eksport keluaran susu ke Singapura dan Hong Kong. Pendapatan eksport daripada **minuman** termasuk minuman alkoholik dan bukan alkoholik merosot sebanyak 5.9% kepada RM131 juta (Januari–Julai 1996: 12.7%) disebabkan permintaan yang lebih rendah dari Hong Kong dan Singapura. Sebaliknya, eksport **tembakau** bertambah sebanyak 17.7% kepada RM223 juta (Januari–Julai 1996: 188%) disebabkan pesanan jualan yang kukuh.

Keluaran Petroleum

Pertumbuhan eksport **keluaran petroleum** yang meliputi keluaran petroleum ditapis (gasolin, minyak bahan api, disel dan minyak tanah), sisa keluaran petroleum serta gas lebih perlahan sebanyak 1.9% atau RM2 bilion pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 berbanding dengan peningkatan 11.6% pada tempoh yang sama tahun 1996. Pengurangan ini adalah akibat kemerosotan sebanyak 0.6% eksport keluaran petroleum ditapis, yang menyumbang 75.2% kepada jumlah eksport keluaran petroleum, berikutan peningkatan penggunaannya di dalam negeri serta pengeluaran minyak mentah yang berkurang pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 yang telah mempengaruhi pengeluaran serta eksport keluaran petroleum. Walau bagaimanapun, eksport sisa keluaran petroleum meningkat sebanyak 15.9% sementara eksport propana dan butana meningkat sebanyak 54.4% dan gas asli sebanyak 12.3%.

Kimia dan Keluaran Kimia

Jumlah eksport **kimia dan keluaran kimia** meningkat dengan ketara sebanyak 13.8% pada

tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 8.4%), didorong oleh pembesaran kapasiti dan permintaan luar yang meningkat. Pertumbuhan ini dijana oleh pertumbuhan kukuh eksport kimia organik (58.9%), kimia bukan organik (49.7%), plastik dalam bentuk utama (26.8%), dan plastik dalam bentuk bukan utama (38%) dan baja (10.1%). Pertumbuhan sederhana juga dicatatkan bagi eksport pigmen, cat, varnis dan bahan-bahan berkaitan (4.3%) serta sabun, bahan pencuci dan penggilapan (12.2%). Walau bagaimanapun eksport keluaran ubat dan farmasuetik merosot sebanyak 20.3%. Penyumbang utama dari segi nilai adalah eksport kimia organik (21.6%), plastik dalam bentuk utama (15.6%), serta plastik dalam bentuk bukan utama (6%). Singapura terus merupakan pasaran terbesar diikuti oleh Jepun, Hong Kong dan Korea Selatan.

Keluaran Galian Bukan Logam

Pendapatan eksport **keluaran galian bukan logam** merosot sebanyak 1.3% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 5.7%). Eksport yang lebih rendah ini terutamanya disebabkan kemerosotan eksport kapur, simen, bahan pembinaan yang direka dan keluaran galian bukan logam yang lain disebabkan permintaan yang mampan daripada sektor pembinaan dalam negeri.

Pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, eksport **kapur, simen dan bahan pembinaan yang direka** terus merosot sebanyak 8.1% selepas kemerosotan sebanyak 9.2% pada tempoh yang sama tahun 1996. Ini terutamanya disebabkan oleh meningkatnya penggunaan dalam negeri untuk sektor pembinaan. Walaupun kapasiti pengeluaran telah bertambah, jumlah pengeluaran masih belum mencukupi untuk mengatasi kekurangan simen tempatan. Oleh yang demikian, sejumlah besar simen bernilai RM327 juta telah diimport pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 untuk mengatasi kekurangan simen tempatan.

Sebaliknya, eksport **tanah liat dan bahan pembinaan refraktori** telah bertambah sebanyak 6.9% kepada RM109 juta pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 3.1%), dengan barangan utama yang dieksport terdiri daripada jubin seramik. Pertumbuhan eksport **kaca dan barang-barang kaca** meningkat tinggi sebanyak 47.4% kepada RM405.6 juta pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-

Julai 1996: 22.4%), didorong oleh peningkatan tempahan jualan daripada pasaran luar negeri bagi keluaran kaca. Destinasi-destinasi utama eksport kaca dan barang-barang kaca ialah Singapura dan Jepun. Eksport **keluaran tembikar** yang merosot sebanyak 28.5%, pulih dengan peningkatan sebanyak 5.1% kepada RM77 juta pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berikutan pemulihan permintaan luar negeri.

Besi dan Keluli dan Keluaran Logam

Memandangkan permintaan dalam negeri yang tinggi bagi keluaran besi dan keluli, industri besi dan keluli dan logam lebih berorientasikan kepada pasaran dalam negeri dengan kapasiti untuk eksport terhad. Sumbangan industri ini kepada jumlah eksport perkilangan adalah sebanyak 3.2% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Pasaran eksport utama bagi keluaran industri ini ialah Thailand, Singapura dan China.

Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pendapatan eksport **keluaran besi dan keluli dan logam** sebagai satu kumpulan merosot dengan ketara sebanyak 7.3% (Januari-Julai 1996: 17.8%) kepada RM3 bilion. Keadaan ini berpunca daripada kemerosotan dalam eksport kebanyakan keluaran besi dan keluli, kecuali keluaran besi gelek yang terus meningkat sungguhpun dengan kadar yang lebih sederhana sebanyak 13.6% (Januari-Julai 1996: 42.7%). Eksport keluaran tiub, paip dan alat-alat besi dan keluli merosot dengan mendadak sebanyak 36.7%, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 102.9% yang dicapai pada tempoh yang sama tahun 1996. Eksport batang besi keluli dan bentuk besi keluli juga merosot sebanyak 61.2% disebabkan kekurangan kapasiti dan permintaan tinggi daripada sektor pembinaan serta permulaan pembinaan yang lebih perlahan di negara-negara pengimport.

Eksport **logam bukan ferum** bertambah sebanyak 5.8% (Januari-Julai 1996: 3.7%). Pertumbuhan ini disebabkan peningkatan permintaan luar negeri bagi keluaran nikel, aluminium, tembaga, plumbum dan zink. Bagi keluaran **logam yang direka**, pendapatan eksport merosot sebanyak 2.1% (Januari-Julai 1996: 14.5%). Pertumbuhan yang lebih perlahan ini disebabkan oleh kemerosotan permintaan bagi keluaran logam asas dan perabut pejabat daripada logam.

Kelengkapan pengangkutan

Pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, eksport **kelengkapan pengangkutan** termasuk kenderaan jalan raya, gerabak keretapi, pesawat udara, kapal, bot, struktur terapung serta peralatan berkaitan, alat ganti dan aksesori merosot sebanyak 11.9% kepada RM2.7 bilion berbanding dengan kemerosotan 5% pada tempoh yang sama tahun 1996. Kemerosotan ini disebabkan kejatuhan 17.5% eksport kenderaan bukan jalan raya. Eksport kelengkapan pengangkutan jalan raya meningkat sebanyak 5.6% kepada RM832 milion didorong oleh peningkatan 9.6% bagi eksport kereta penumpang serta peningkatan 17.3% bagi eksport motosikal berikutan peningkatan kapasiti pengeluaran tempatan. Eksport kereta nasional, PROTON, meningkat sebanyak 5.6% kepada 15,364 unit, pada tempoh tujuh bulan pertama 1997 berbanding dengan 14,548 unit pada tempoh yang sama tahun 1996. UK kekal sebagai destinasi utama bagi kereta PROTON dengan 7,555 unit, diikuti oleh Jerman 2,928 unit dan Australia 2,759 unit. PERODUA telah mengeksport 374 unit dalam tempoh kajian. UK muncul sebagai destinasi utama kenderaan PERODUA diikuti oleh Brunei, Cyprus, Malta dan Mauritius.

Keluaran Perkilangan Lain

Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, jumlah eksport **keluaran perkilangan lain** yang meliputi kertas dan palpa, barangan kulit, peralatan profesional dan saintifik, kelengkapan seni foto, peralatan muzik, jam, alat permainan, alat sukan, barang kemas serta pelbagai barangan lain menyumbang 5.5% daripada jumlah eksport barang perkilangan. Eksport produk-produk ini merosot sebanyak 3.7% (Januari-Julai 1996: 17.9%) kepada RM5.1 bilion akibat kejatuhan ketara eksport alat permainan dan peralatan sukan sebanyak 36.2% dan bahan cetak sebanyak 12.9%.

Eksport Barangan Utama

Pendapatan eksport barangan utama pertanian dan perlombongan dijangka meningkat sebanyak 6.5% (1996: -0.6%) kepada RM33,827.5 juta. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan pendapatan eksport daripada **sektor perlombongan** sebanyak 15.3% kepada RM14,072.1 juta (1996: RM12,202.8 juta) hasil peningkatan kukuh permintaan luaran


Gas Asli Cecair (LNG) daripada Korea Selatan, Jepun dan Taiwan. Pendapatan eksport dari **sektor pertanian** dijangka meningkat sebanyak 0.9% kepada RM19,755.4 juta (1996: RM19,570 juta atau -9.6%), terutama peningkatan eksport minyak kelapa sawit dan minyak isirong kelapa sawit.

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit


Pendapatan eksport daripada **minyak kelapa sawit** (iaitu minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit telah diproses dan minyak sawit stearin) dijangka meningkat sebanyak 13.4% kepada RM10,703.9 juta (1996: -9.2%, RM9,435.1 juta). Didorong oleh permintaan luaran yang kukuh daripada pasaran tradisi seperti Bangladesh, India, Kesatuan Eropah dan Turki, jumlah eksport dijangka meningkat sebanyak 5.7% daripada 7.29 juta tan metrik pada tahun 1996 kepada 7.70 juta tan metrik pada tahun 1997. Permintaan daripada luar yang kukuh, kesan dari nilai ringgit yang rendah serta keadaan penawaran dunia yang ketat bagi minyak sayuran dan lemak dijangka akan meningkatkan eksport seunit minyak kelapa sawit sebanyak 7.4% pada tahun 1997.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997, pendapatan eksport minyak kelapa sawit meningkat sebanyak 11.2% kepada RM5,656.5 juta daripada RM5,086.9 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Jumlah eksport meningkat sebanyak 10.6% kepada 4.25 juta tan metrik (1996: 3.843 juta tan metrik), manakala eksport seunit meningkat sebanyak 0.5% kepada RM1,330.82 setan metrik. Harga purata hantaran tempatan minyak kelapa sawit bagi suku tahun pertama tahun 1997 ialah RM1,313.87 setan metrik atau 7.6% lebih tinggi berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1996 (Januari-Mac 1996: RM1,221.50 setan metrik). Bagi suku tahun kedua, harga purata hantaran tempatan menurun daripada suku tahun pertama kepada RM1,275.58 setan metrik. Namun demikian, harga ini masih 3.6% lebih tinggi berbanding dengan harga pada tempoh yang sama tahun 1996. Dalam tempoh suku tahun ketiga pula, harga purata hantaran meningkat kepada RM1,283 setan metrik. Pada 22 September 1997, harganya ditutup pada paras tertinggi bagi 24 bulan iaitu RM1,514.50 setan metrik apabila nilai ringgit susut kepada RM3.1330 berbanding dolar Amerika Syarikat.

Carta 7.2
Minyak Kelapa Sawit - Eksport dan Harga



Carta 7.3
Kayu Gergaji dan Kayu Balak - Eksport dan Nilai Seunit



Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pendapatan daripada eksport minyak isirong kelapa sawit menurun sebanyak 3.7% kepada RM501.6 juta daripada RM520.9 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Penurunan ini disebabkan jumlah eksport yang rendah sebanyak 256,642 tan metrik berbanding dengan 264,171 tan metrik dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pendapatan eksport **minyak isirong kelapa sawit** pada keseluruhan tahun 1997 dijangka meningkat sebanyak 2% kepada RM1,061.5 juta, ekoran jangkaan peningkatan 1.9% jumlah eksport kepada 550,000 tan metrik (1996: 539,524 tan metrik) dan peningkatan 0.1% bagi harga seunit kepada RM1,930 setan metrik.

Kayu Kayan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, jumlah pendapatan daripada eksport **kayu balak** meningkat sebanyak 6.3% kepada RM1,310.4 juta,

didorong oleh peningkatan sebanyak 10.5% dalam nilai eksport seunit kepada RM352.4 setiap meter padu. Ini disebabkan oleh permintaan yang kukuh daripada Jepun dan juga peningkatan permintaan tempatan untuk aktiviti hiliran. Memandangkan permintaan tempatan yang kukuh, jumlah eksport kayu balak menurun sebanyak 3.8% kepada 3.72 juta meter padu daripada 3.86 juta meter padu dalam tempoh yang sama tahun 1996. Jumlah eksport **kayu gergaji** juga dipengaruhi dengan permintaan tempatan bagi proses hiliran. Walaupun nilai eksport seunit meningkat sebanyak 5.1% kepada RM860 setiap meter padu, pendapatan eksport daripada kayu gergaji menurun sebanyak 8.6% kepada RM1,611.6 juta ekoran penurunan 13% jumlah eksport kepada 1.87 juta meter padu (Januari-Julai 1996: 2.16 juta meter padu). Jumlah pendapatan eksport daripada kayu balak dan kayu gergaji pada tahun 1997 dijangka merosot lagi sebanyak 6.7% kepada RM4,966.1 juta disebabkan jumlah eksport yang menurun sebanyak 9.6 juta meter padu, walaupun nilai seunitnya meningkat.


Getah

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pendapatan eksport daripada getah mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak 19.7% kepada RM1,671.1 juta (1996: Januari-Julai: RM2,081.0 juta) disebabkan penurunan sebanyak 20.4% dalam nilai seunit eksport. Jumlah eksport dalam tempoh tersebut pula mencatatkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 0.9% kepada 547,557 tan metrik (1996: 542,764 tan metrik).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, harga purata getah Getah Asap Berbunga (G.A.B.) 1 menurun sebanyak 23.9% kepada 285.53 sen/kg, daripada purata 375.26 sen/kg dalam tempoh yang sama tahun 1996. Harga getah yang lemah pada tujuh bulan pertama tahun ini disebabkan penawaran yang berlebihan di pasaran dunia, permintaan yang agak lemah dari China dan Korea, mogok pekerja di gudang Goodyear di Amerika Syarikat pada suku pertama tahun ini dan pelepasan sebanyak 41,000 tan metrik getah asli sejak Februari tahun ini oleh Agensi Logistik

Pertahanan Amerika Syarikat daripada stok penimbalnya. Berikutan susutan nilai ringgit pada suku ketiga tahun ini, harga G.A.B. 1 kukuh pada purata 240.64 sen/kg pada bulan Julai dan bertambah baik kepada purata 250.35 sen/kg pada bulan Ogos dan pada purata 262.63 sen/kg pada bulan September, menjadikan harga purata untuk suku ketiga sebanyak 251.21 sen/kg. Pergerakan harga ini dijangka akan berterusan pada suku keempat dan dijangkakan pada purata 273.83 sen/kg. Bagi keseluruhan tahun 1997, harga purata G.A.B. 1 dianggarkan pada 277.61 sen/kg. Walaupun harganya bertambah baik kearah hujung tahun, harga purata G.A.B. 1 diramalkan 20.8% lebih rendah daripada harga purata yang dicatatkan pada tahun 1996 iaitu 350.40 sen/kg. Selari dengan pergerakan harga G.A.B. 1, Getah Mutu Malaysia (G.M.M.) 20 dijangka pada purata 255.61 sen/kg pada setengah tahun kedua tahun 1997, menjadikan harga purata tahunan sebanyak 268.44 sen/kg atau 18.5% lebih rendah daripada harga purata tahunan G.M.M. 20 iaitu 329.55 sen/kg pada tahun 1996.

Disebabkan oleh harga getah yang lemah, eksport getah bagi ketiga-tiga gred utama dijangka menurun. Eksport G.M.M. yang menguasai 80% daripada jumlah eksport dijangka menurun sebanyak 0.9% pada tahun 1997. Ini adalah kerana pesanan yang kurang daripada China dan Korea Selatan, kemerosotan bahan mentah dan juga permintaan yang lemah daripada industri kereta disebabkan oleh mogok pekerja di gudang Goodyear di Amerika Syarikat pada suku pertama tahun ini. G.A.B. yang menguasai 4% daripada jumlah eksport juga dijangka menurun sebanyak 25.7%, manakala lateks menguasai 12% daripada jumlah eksport dijangka menurun sebanyak 3.6%. Trend yang menurun ini berpunca daripada peningkatan penggunaan lateks tempatan sejajar dengan usaha kerajaan bagi mengalakkan pengeluaran tempatan produk berasaskan getah seperti barangan celupan lateks. Bagi gred selebihnya, yang merangkumi 4% daripada jumlah eksport, juga dijangka menurun sebanyak 13.5%. Bagi keseluruhan tahun 1997, pendapatan daripada getah dijangka menurun dengan ketara sebanyak 22.7% kepada RM2.714 bilion (1996: RM3.509 bilion) berikutan penurunan bagi jumlah eksport sebanyak 6.2% kepada 920,000 tan metrik (1996: 980,000 tan metrik) dan penurunan harga seunit eksport sebanyak 17.6% kepada 295 sen/kg (1996: 358 sen/kg).



Jadual 7.6

Eksport Komoditi-Komoditi Utama

	1997 ^a	% Perubahan	1997 Januari- Julai	% Perubahan
Minyak kelapa sawit¹				
Jumlah ('000 tan metrik)	7,700	5.7	4,250.4	10.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,390	7.4	1,330.8	0.5
Nilai (RM juta)	10,703.9	13.4	5,656.5	11.2
Minyak isirong kelapa sawit				
Jumlah ('000 tan metrik)	550	1.9	256.6	-2.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,930	0.1	1,954.4	-0.9
Nilai (RM juta)	1,061.5	2.0	501.6	-3.7
Kayu balak				
Jumlah ('000 meter padu)	6,500	-6.9	3,719	-3.8
Nilai seunit (RM/meter padu)	350	7.1	352.4	10.5
Nilai (RM juta)	2,275.0	-0.3	1,310.4	6.3
Kayu gergaji				
Jumlah ('000 meter padu)	3,110	-14.9	1,874	-13.0
Nilai seunit (RM/meter padu)	865.3	4.1	860.0	5.1
Nilai (RM juta)	2,691.1	-11.4	1,611.6	-8.6
Getah				
Jumlah ('000 tan metrik)	920	-6.2	547.6	0.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	295	-17.6	305.2	-20.4
Nilai (RM juta)	2,714.0	-22.7	1,671.1	-19.7
Lada hitam				
Jumlah ('000 tan metrik)	19.6	-3.9	12.6	34.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	8,700	38.5	8,538.9	45.6
Nilai (RM juta)	170.5	33.1	107.7	96.0
Koko				
Jumlah ('000 tan metrik)	41	-3.5	22.4	-28.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	3,400	6.3	3,404.4	6.0
Nilai (RM juta)	139.4	2.5	76.3	-24.4
Minyak mentah				
Jumlah ('000 tan metrik)	16,540.1	-5.5	8,825	-15.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	428.66	2.0	425.9	8.5
Nilai (RM juta)	7,090.1	-1.7	3,759.3	-8.6
Gas asli cecair (LNG)				
Jumlah ('000 tan metrik)	15,600	18.8	9,112	25.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	416.9	22.8	418.2	19.8
Nilai (RM juta)	6,503.0	45.9	3,810.2	49.7
Timah				
Jumlah ('000 tan metrik)	32	-6.7	19.3	-4.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	14,969	-3.6	14,406	-8.9
Nilai (RM juta)	479.0	-10.1	278.6	-12.9
JUMLAH BESAR	33,827.5	6.5	18,783.3	5.4

¹ Termasuk minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak kelapa sawit sterin.

^a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan

Komoditi-komoditi Pertanian Lain

Pendapatan eksport **biji koko** pada tahun 1997 dijangka meningkat sebanyak 2.5% kepada RM139.4 juta (1996: RM136 juta) disebabkan peningkatan 6.3% harga seunit eksport kepada RM3,400 setiap tan metrik pada tahun 1997 daripada RM3,200 setiap tan metrik. Peningkatan harga seunit eksport adalah disebabkan oleh stok koko dunia yang rendah mengakibatkan permintaan yang kukuh sejajar dengan kemerosotan pengeluaran dunia. Jumlah eksport dijangka 3.5% lebih rendah, iaitu 41,000 tan metrik (1996: 42,532 tan metrik). Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pendapatan eksport dari komoditi ini menurun sebanyak 24.4% kepada RM76.3 juta, dengan jumlah eksport menurun lagi sebanyak 28.7% kepada 22,414 tan metrik (1996: RM100.9 juta daripada 31,421 tan metrik).


Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pendapatan daripada **lada hitam** meningkat sebanyak 96% kepada RM107.7 juta, didorong oleh 34.6% peningkatan dalam jumlah eksport kepada 12,615 tan metrik. Harga purata lada hitam meningkat sebanyak 45.6% kepada RM8,539 setiap tan metrik daripada RM5,864 setiap tan metrik disebabkan permintaan yang kukuh. Dengan harga dijangka kekal lebih baik, pendapatan eksport daripada lada hitam dijangka meningkat sebanyak 33.1% kepada RM170.5 juta pada tahun 1997 (1996: 25.8% kepada RM128.1 juta).

Minyak Mentah dan Gas Asli

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pendapatan daripada eksport minyak mentah menurun sebanyak 8.6% kepada RM3,759.3 juta daripada 8.83 juta tan metrik (Januari-Julai 1996: RM4,110.9 juta daripada 10.47 juta tan metrik). Walau bagaimanapun, harga seunit eksport bagi minyak mentah dalam tempoh tersebut ialah RM425.99 setan metrik pada tahun 1997, peningkatan sebanyak 8.5% daripada 1996 harga seunit eksport iaitu RM392.60.

Selari dengan harga minyak mentah dunia, harga purata wajaran (HPW) berdasarkan pada harga eksport bagi kesemua jenis minyak mentah Malaysia meningkat sebanyak 14.5% daripada AS\$20.71 setong pada suku tahun pertama 1996 kepada AS\$23.72 setong dalam tempoh yang sama tahun 1997. Ini adalah disebabkan oleh permintaan

Carta 7.5
Minyak Mentah - Eksport dan Harga



yang kukuh berikutan musim sejuk yang teruk di hemisfera utara. Pada suku tahun kedua tahun 1997, harga meningkat sedikit sebanyak 0.5% kepada AS\$20.46 setong daripada AS\$20.36 setong dalam tempoh yang sama tahun 1996. Ini mencerminkan kesan permintaan minyak mentah yang perlahan disebabkan oleh penutupan sementara loji penapisan minyak di Eropah untuk kerja penyelenggaraan. Pada suku tahun ketiga, permintaan minyak mentah dunia dijangka meningkat sedikit apabila negara pengguna bersiap sedia untuk musim sejuk dan juga apabila kerja penyelenggaraan penapisan sudah siap di Eropah. Namun demikian, disebabkan penawaran minyak mentah dunia telah meningkat, sebahagiannya daripada Iraq yang telah dibenarkan mengeksport minyak mentah bernilai AS\$2 bilion sebagai sebahagian program 'tukaran minyak untuk makanan', harga minyak mentah pada suku tahun ketiga menurun kepada purata AS\$18.70 setong. Dengan jangkaan peningkatan permintaan minyak mentah dunia pada musim sejuk, harga purata dijangka meningkat kepada AS\$19.14 setong pada

suku tahun keempat tahun 1997. Oleh yang demikian, bagi keseluruhan tahun 1997, HPW dianggarkan pada purata AS\$20.50 setong atau penurunan sebanyak 6% daripada harga purata wajaran 1996 iaitu AS\$21.81 setong.


Mengambil kira peningkatan penggunaan domestik, jumlah eksport minyak mentah dianggarkan lebih rendah pada tahun 1997 pada 16.54 juta tan metrik berbanding dengan 17.49 juta tan metrik yang dieksport pada tahun 1996. Dengan perkembangan ini serta harga minyak mentah yang lemah pada setengah tahun kedua, pendapatan daripada minyak mentah dijangka menurun sebanyak 1.7% dalam pendapatan eksport kepada RM7,090.1 juta pada tahun 1997, daripada pendapatan RM7,211.8 juta yang diperolehi pada tahun 1996.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pendapatan eksport daripada gas asli cecair (LNG) meningkat sebanyak 49.7% kepada RM3,810.2 juta (Januari-Julai 1996: RM2,545.3 juta), dengan jumlah eksport sebanyak 9.11 juta tan metrik (Januari-Julai 1996: 7.29 juta tan metrik). Pengimport utama gas asli cecair Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 ialah Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Bagi keseluruhan tahun 1997, jumlah eksport gas asli cecair dijangka meningkat sebanyak 18.8% pada tahun 1997 kepada 15.6 juta tan metrik (1996: 13.13 juta tan metrik). Dengan harga seunit eksport gas asli cecair dianggarkan RM416.86 setiap tan metrik adalah dijangka jumlah pendapatan daripada gas asli cecair bagi tahun 1997 dijangka meningkat sebanyak 45.9% kepada RM6,503 juta (1996: RM4,458.3 juta).

Timah

Pendapatan eksport daripada timah pada tahun 1997 dijangka merosot sebanyak 10.1% kepada RM479 juta, daripada RM532.7 juta pada tahun 1996 disebabkan harga timah yang rendah dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Harga purata timah di Pasaran Timah Kuala Lumpur (PTKL) dalam tempoh tersebut turun sebanyak 8.9% daripada RM15.58/kg dalam tempoh tujuh bulan pertama 1996 kepada RM14.20/kg. Harga timah yang rendah ini adalah disebabkan oleh penawaran yang berlebihan, sebahagiannya berpunca daripada keputusan Persatuan Negara-

Carta 7.6
Timah - Eksport dan Harga



negara Pengeluar Timah (ATPC) untuk menauhkan Skim Perasionalan Penawaran (SRS). Walau bagaimanapun, harga timah naik pada suku tahun ketiga, terutama pada bulan September mencecah ke kemuncaknya pada paras RM18.13/kg pada 30 September 1997. Berikutan ini, harga purata timah bagi suku tahun ketiga ialah RM14.93/kg. Seandainya harga purata timah ini berkekalan pada RM16.52/kg bagi tiga bulan terakhir tahun ini, harga purata timah bagi keseluruhan tahun 1997 ialah pada paras RM14.97/kg. Oleh itu, dengan ramalan jumlah eksport sebanyak 32,000 tan metrik, jumlah pendapatan daripada timah dijangka sebanyak RM479.0 juta pada tahun 1997.

Prestasi Import

Didorong oleh pertumbuhan import barangan modal (termasuk barangan 'bulky') yang kukuh, import kasar, dinilai bersama dengan kos, insurans

dan tambang (c.i.f.) dijangka meningkat sebanyak 6.6% kepada RM210.4 bilion pada tahun 1997 (1996:1.5%). Import barangan modal, yang merupakan 21% daripada jumlah import, dijangka meningkat sebanyak 19.8% pada tahun 1997, selepas mencatatkan kemerosotan sebanyak 5.7% pada tahun 1996. Peningkatan import barangan modal ini disebabkan oleh import barangan 'bulky' yang tinggi, terutamanya kapal terbang dan kapal yang akan meningkatkan pendapatan eksport perkhidmatan negara di masa hadapan serta akan mengurangkan pertukaran wang asing melalui penggantian import perkhidmatan. Sementara itu, import barangan perantaraan, yang merupakan 63.7% daripada jumlah import, dijangka berkembang dengan lebih perlahan sebanyak 2.3% pada tahun 1997 (1996:3.6%), akibat permintaan untuk barangan perantaraan yang diimport oleh sektor pembinaan dan perkilangan yang perlahan serta harga barangan perantaraan bagi elektronik yang rendah. Import barangan penggunaan juga dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4% kepada RM13.2 bilion pada tahun 1997 (1996:6%), disebabkan oleh pertumbuhan pendapatan bolehguna yang perlahan serta pengurangan perbelanjaan akibat kejatuhan nilai ringgit dan kejatuhan harga saham yang ketara pada separuh kedua tahun ini. Oleh itu, import keseluruhan sebenar Malaysia pada tahun 1997 dijangka meningkat sebanyak 6% kepada RM202.4 bilion, lebih tinggi jika dibandingkan dengan pertumbuhan sebanyak 2% yang dicatatkan pada tahun 1996. Import untuk pengeksporan semula dijangka terus kecil, iaitu 3.8% daripada jumlah import kasar bagi tahun 1997.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, import kasar berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.7% kepada RM119.1 bilion, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 5.2% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Seperti tahun-tahun sebelumnya, sebahagian besar daripada import terdiri daripada barangan modal dan barangan perantaraan, yang merupakan 85.7% daripada jumlah import dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Arah aliran import kasar mengikut kategori ekonomi umum (BEC) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 ditunjukkan dalam Jadual 7.7.

Jadual 7.7

Import Mengikut Pengguna Akhir Dan Kategori-kategori Ekonomi Umum (BEC)
(Januari-Julai)

	Nilai (RM bilion)		Perubahan Tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1996	1997	1996	1997	1996	1997
Barangan modal	20.6	25.0	-7.7	21.4	18.1	21.0
Barangan perantaraan	75.9	77.1	9.3	1.6	66.8	64.7
Barangan penggunaan	7.1	7.5	9.6	5.6	6.2	6.3
Lain-lain (termasuk barang dua guna)	5.9	6.0	8.5	1.7	5.2	5.0
Import untuk dieksport semula	4.2	3.5	-5.3	-16.7	3.7	2.9
JUMLAH	113.7	119.1	5.2	4.7	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

Barangan Modal

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, import **barangan modal** berkembang dengan pesat, sebanyak 21.4% selepas mencatatkan kemerosotan sebanyak 7.7% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Ini disebabkan oleh pertumbuhan import alat kelengkapan pengangkutan sebanyak 83.3% dalam tempoh kajian berbanding dengan kemerosotan sebanyak 24.1% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Import alat kelengkapan pengangkutan yang mencatatkan peningkatan yang ketara dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 ialah kenderaan keretapi dan kelengkapan sebanyak 305.6%, selaras dengan pembangunan projek-projek keretapi yang pesat di Kuala Lumpur, kapal, bot dan struktur terapung (33.2%) dan kapal terbang (59.1%). Import alat kelengkapan pengangkutan merupakan 22% daripada import barangan modal dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (lihat Jadual 7.8).

Import barangan modal (tidak termasuk alat kelengkapan pengangkutan), yang merupakan 78% daripada jumlah import barangan modal, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.8%

kepada RM19.5 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan penurunan sebanyak 4.2% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Barangan yang mencatatkan pertumbuhan import yang tinggi ialah kelengkapan pendinginan dan pemanasan (92.8%) dan mesin memproses data automatik (44.5%). Namun begitu, import jentera khusus untuk industri tertentu yang merupakan 21.6% daripada jumlah import barangan modal, merosot sebanyak 6% dalam tempoh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996:2.8%).

Barangan Perantaraan

Kesan daripada harga import yang rendah, terutamanya komponen elektronik dan pengeluaran barangan perkilangan dalam negeri yang rendah yang dialami oleh kebanyakan industri serta kegiatan baru pembinaan yang perlahan, menyebabkan pertumbuhan import **barangan perantaraan** mencatatkan pertumbuhan yang perlahan sebanyak 1.6% kepada RM77.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 9.3%). Import injap dan tiub termionik yang merupakan 31% daripada jumlah

Jadual 7.8

**Import Barangan Modal Mengikut
Pengguna Akhir dan Kategori-
kategori BEC
(Januari-Julai)**

	Nilai (RM bilion)		Perubahan Tahunan (%)	
	1996	1997	1996	1997
Barangan modal (tidak termasuk kelengkapan, pengangkutan)	17.6	19.5	-4.2	10.8
Alat kelengkapan pengangkutan, perusahaan.	3.0	5.5	-24.1	83.3
JUMLAH	20.6	25.0	-7.7	21.4

Sumber: Jabatan Perangkaan

import barangan perantaraan, merosot sebanyak 4.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996:19%). Begitu juga barangan dan komponen yang diimport untuk diproses dalam industri makanan dan minuman mencatatkan kemerosotan sebanyak 11.1%, manakala import bahanapi dan pelincir utama merosot sebanyak 1.3% (lihat Jadual 7.9). Barang perantaraan lain yang mencatatkan kemerosotan dalam tempoh kajian ialah alat ganti dan kelengkapan barangan modal (tidak termasuk alat kelengkapan pengangkutan) yang terdiri daripada kelengkapan kejuruteraan awam (-18.5%) dan kelengkapan elektrik dan elektronik isirumah (-24.4%). Pada masa yang sama, pertumbuhan import bagi alat ganti dan kelengkapan barangan modal pengangkutan meningkat dengan kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.9% (Januari-Julai 1996:13.8%), akibat peningkatan penggunaan komponen tempatan oleh industri automobil dalam negeri. Arah aliran yang sama juga dapat dilihat bagi import bahan mentah dan komponen untuk perindustrian, yang meningkat dengan kadar yang lebih perlahan daripada 18.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 kepada 3.5% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Import bahan mentah yang digunakan di dalam industri makanan dan minuman meningkat dengan lebih perlahan

Jadual 7.9

**Import Barangan Perantaraan Mengikut
Pengguna Akhir dan
Kategori-kategori BEC
(Januari-Julai)**

	Nilai (RM bilion)		Perubahan Tahunan (%)	
	1996	1997	1996	1997
Makanan & minuman, diproses untuk industri.	0.8	0.8	7.8	7.2
Makanan & minuman, khusus untuk industri.	0.9	0.8	5.0	-11.1
Bekalan perindustrian, utama	2.8	2.9	18.1	3.5
Bekalan perindustrian, diproses	26.1	27.4	-2.0	5.0
Bahanapi, & pelincir, utama	0.4	0.4	33.1	-1.3
Bahanapi & pelincir lain, diproses	1.7	2.0	21.9	17.6
Alat ganti & kelengkapan barangan modal (tidak termasuk alat kelengkapan pengangkutan)	41.1	40.6	16.4	-1.2
Alat ganti & kelengkapan untuk alat pengangkutan	2.1	2.1	13.8	2.9
JUMLAH	75.9	77.1	9.3	1.6

Sumber: Jabatan Perangkaan

sebanyak 7.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996:7.8%), akibat pertumbuhan pengeluaran minuman dalam negeri yang menurun dengan ketara dari 20.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 kepada 1.5% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Sebaliknya, import bahanapi dan pelincir yang

diproses terus berkembang pada kadar yang perlahan sebanyak 17.6% dalam tempoh kajian daripada pertumbuhan sebanyak 21.9% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Ini disebabkan oleh peningkatan permintaan dalam negeri akibat bertambahnya bilangan kenderaan bermotor di negara ini. Begitu juga dengan import bekalan perindustrian utama yang terdiri daripada tembaga dan emas dalam bentuk separuh siap yang mencatatkan peningkatan sebanyak 5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan kemerosotan sebanyak 2% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Barangan Penggunaan

Berikutan pertumbuhan pendapatan bolehguna yang sederhana, import barangan penggunaan meningkat dengan lebih perlahan kepada 5.6% atau RM7.5 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai: 9.6%). Ini disebabkan oleh pertumbuhan import makanan dan minuman yang diproses untuk penggunaan isirumah seperti barli, mentega dan keju yang perlahan sebanyak 5.6% (RM1.9 bilion) berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 31.3% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Begitu juga dengan import makanan utama seperti beras, sayur-sayuran dan buah-buahan yang meningkat dengan kadar yang lebih perlahan sebanyak 11.1% kepada RM1.0 bilion, selepas mencatatkan pertumbuhan sebanyak 13.4% (RM0.9 bilion) yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebaliknya, import alat kelengkapan pengangkutan bukan perusahaan merosot sebanyak 5.8% kepada RM0.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, selepas mencatatkan kemerosotan sebanyak 35.7% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Ini sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan keupayaan pengeluaran dalam negeri serta peningkatan pendapatan yang sederhana.

Import barang-barang pengguna lain mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.3% kepada RM4.5 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, selepas mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.3% (RM4.2 bilion) dalam tempoh yang sama tahun 1996. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan import yang ketara bagi barangan tidak tahan lama sebanyak 11.8%, selepas mencatatkan kemerosotan sebanyak 3.7% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Namun begitu, import barang separa tahan lama

mencatatkan peningkatan yang perlahan sebanyak 6.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 15% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pertumbuhan import barang separa tahan yang perlahan ini sebahagiannya disebabkan oleh kemerosotan import pakaian dan kelengkapan pakaian sebanyak 3.7%. Sebaliknya, import barang tahan lama terus merosot sebanyak 10% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 1.7% dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Jadual 7.10

Import Barangan Penggunaan Mengikut Penggunaan Akhir dan Kategori-kategori BEC (Januari-Julai)

	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1996	1997	1996	1997
Makanan dan minuman, utama, khusus untuk penggunaan isirumah	0.9	1.0	13.4	11.1
Makanan dan minuman, proses, khusus untuk penggunaan isirumah	1.8	1.9	31.3	5.6
Alat kelengkapan pengangkutan, bukan perusahaan	0.1	0.1	-35.7	-5.8
Barang pengguna lain	4.2	4.5	3.3	7.3
Barang tahan lama	1.0	0.9	-1.9	-10.0
Bagi separa tahan lama	1.6	1.7	15.0	6.3
Bagi tidak tahan lama	1.7	1.9	-3.7	11.8
JUMLAH	7.1	7.5	9.6	5.6

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 7.11

Import Barangan Lain Mengikut Pengguna Akhir - Kategori-kategori BEC (Januari-Julai)


	Nilai (RM billion)		Perubahan tahunan (%)	
	1996	1997	1996	1997
Barang dua guna	3.4	3.3	7.9	-2.9
Bahanapi dan pelincir, diproses, minyak.	0.8	1.0	12.1	25.0
Alat kelengkapan pengangkutan, motokar penumpang	2.6	2.2	6.7	-15.0
Lain-lain	2.5	2.7	8.7	8.0
JUMLAH	5.9	6.0	8.5	1.7

Sumber: Jabatan Perangkaan

Pertumbuhan import **barang-barang lain** (termasuk barang dua guna) mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan kepada 1.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 8.5% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Import barang dua guna, yang terdiri daripada bahanapi dan pelincir yang diproses, alat kelengkapan pengangkutan dan motokar penumpang merosot sebanyak 2.9% kepada RM3.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.9% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Ini disebabkan oleh kemerosotan import motokar penumpang dan alat kelengkapan sebanyak 15.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 8.7%), sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran motokar oleh industri automobil dalam negeri. (sila lihat Jadual 7.11)


Import untuk dieksport semula merosot dengan ketara sebanyak 15.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 kepada RM3.5 bilion, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 5.8% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Walau

Carta 7.7
Haluan Perdagangan
(Januari - Julai 1997)



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah.
Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 7.8
Imbangan Perdagangan
(Januari - Julai 1997)



Sumber : Jabatan Perangkaan

bagaimanapun, import untuk dieksport semula, masih kecil secara perbandingan iaitu merupakan 3% daripada jumlah import kasar dalam tempoh yang dikaji. Selepas mengecualikan import untuk dieksport semula, import sebenar meningkat sebanyak 5.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 kepada RM115.6 bilion (Januari-Julai 1996: RM109.5 bilion).

Haluan Perdagangan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, jumlah perdagangan Malaysia meningkat sebanyak 3.7% kepada RM234.7 bilion (Januari-Julai 1996: 8%). Eksport kasar, dinilai f.o.b, meningkat dengan kadar yang semakin perlahan pada kadar 2.7% atau RM115.5 bilion (Januari-Julai 1996: 11%) yang menyumbangkan sebanyak 49.2% daripada jumlah perdagangan. Import kasar pula, dinilai c.i.f, juga meningkat dengan kadar yang semakin perlahan sebanyak 4.7% kepada RM119.1 bilion (Januari-Julai 1996: 5.3%) iaitu merupakan 50.8%

daripada jumlah perdagangan. Dengan nilai import lebih tinggi daripada eksport, imbangan perdagangan Malaysia telah mencatatkan defisit yang lebih besar pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, iaitu sebanyak RM3.6 bilion jika dibandingkan dengan defisit sebanyak RM1.3 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1996. Jepun, Amerika Syarikat (AS), Singapura dan Kesatuan Eropah (EU) kekal sebagai rakan dagangan utama Malaysia. Perdagangan Malaysia dengan negara-negara tersebut berjumlah RM154.8 bilion, yang merupakan 65.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan 67.7% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Perdagangan Malaysia dengan negara-negara ekonomi perindustrian baru (NIE), yang terdiri daripada Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan terus berkembang dan merupakan 12.4% daripada jumlah perdagangan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan 12.8% dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Jadual 7.12

Perdagangan Dengan Jepun
(Januari–Julai)

	Eksport				Import			
	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1996	1997	1996	1997	1996	1997	1996	1997
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak ¹	0.6	0.6	-16.3	0.3	0.05	0.06	-7.0	20.0
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir ²	4.6	5.1	2.2	10.9	0.2	0.2	-0.8	5.5
Barang-barang perkilangan, perantaraan ³	1.9	2.4	5.5	26.3	5.8	5.4	-9.4	-6.9
Jentera dan kelengkapan pengangkutan ⁴	6.7	6.2	39.6	-7.5	20.1	18.5	-3.4	-8.0
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap ⁵	1.2	1.1	20.0	-8.3	1.3	1.4	-13.3	7.7
Pelbagai ⁶	0.08	0.1	6.6	25.0	0.8	0.9	14.3	12.5
JUMLAH	15.3	15.5	19.5	1.3	28.3	26.4	-4.7	-6.7

¹ Termasuk Kod Klasifikasi Piawai Perdagangan Antarabangsa (SITC) 0,1 dan 4

² Termasuk SITC 2 dan 3

³ Termasuk SITC 5 dan 6

⁴ Termasuk SITC 7 sahaja

⁵ Termasuk SITC 8 sahaja

⁶ Termasuk SITC 9 sahaja

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jepun kekal sebagai rakan dagangan utama Malaysia dengan jumlah perdagangan bernilai RM41.9 bilion atau 17.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.12. Import dari Jepun merosot sebanyak 6.7% kepada RM26.4 bilion (Januari–Julai 1996: -4.7%), manakala pertumbuhan eksport Malaysia ke Jepun meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.3% atau RM15.5 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari–Julai 1996: 19.5%). Justeru itu, defisit perdagangan Malaysia dengan Jepun berkurangan sebanyak

RM2.1 bilion kepada RM10.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, daripada defisit sebanyak RM13.0 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1996. Seperti ditunjukkan dalam carta 7.7, eksport Malaysia ke Jepun merupakan 13.4% daripada jumlah eksport Malaysia, yang kebanyakannya terdiri daripada barangan perkilangan, jentera dan kelengkapan pengangkutan, bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir. Barang-barang ini merupakan 88.4% daripada jumlah eksport Malaysia ke Jepun dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Import dari Jepun merupakan

22.2% daripada jumlah import keseluruhan Malaysia pada tempoh kajian. Sejumlah 90.5% daripada import Malaysia dari Jepun terdiri daripada jentera dan kelengkapan pengangkutan serta barangan perkilangan.

Amerika Syarikat kekal sebagai rakan dagangan Malaysia yang kedua terbesar dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 dengan jumlah perdagangan sebanyak RM39.9 bilion (17% daripada jumlah perdagangan Malaysia). Jumlah perdagangan Malaysia dengan AS merosot sebanyak 1.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 7.7% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, import meningkat sebanyak 5.9% kepada RM19.8 bilion manakala eksport pula merosot

sebanyak 6.5% kepada RM 20.1 bilion. Malaysia mencatatkan lebih perdagangan yang lebih rendah dengan AS dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berjumlah RM0.3 bilion berbanding dengan lebih sebanyak RM2.8 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1996, seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.13. Eksport Malaysia ke AS merupakan 17.4% daripada jumlah pendapatan eksport dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Jentera dan kelengkapan pengangkutan serta barangan perkilangan, termasuk tiub termionik dan barangan tekstil, merupakan 90% daripada jumlah eksport ke pasaran AS. Import dari AS merupakan 16.6% daripada jumlah import Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, dengan jentera dan kelengkapan pengangkutan termasuk kapal terbang merupakan 83.3% daripada jumlah import dari AS.

Jadual 7.13
Perdagangan Dengan Amerika Syarikat
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	Nilai (RM bilion) (%)		Perubahan tahunan		Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1996	1997	1996	1997	1996	1997	1996	1997
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	0.3	0.3	-12.8	-5.4	0.8	0.8	60.0	-7.1
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	0.5	0.6	15.0	20.0	0.6	0.5	50.0	-16.7
Barang-barang perkilangan, perantaraan	1.0	1.0	11.1	0.7	2.3	2.3	21.1	1.1
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	16.6	15.2	5.7	-8.4	13.5	14.2	3.1	5.2
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	3.0	2.9	15.4	-3.3	1.1	1.5	10.0	36.4
Pelbagai	0.07	0.07	-65.4	-10.8	0.4	0.5	-40.2	25.0
JUMLAH	21.5	20.1	5.9	-6.5	18.7	19.8	5.6	5.9

Sumber: Jabatan Perangkaan

Perdagangan Malaysia dengan **Singapura** berkembang sebanyak 6.1% kepada RM39.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, dan ini merupakan 17% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke Singapura meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.9% kepada RM23.7 bilion berbanding dengan 7.6% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1996, seperti ditunjukkan dalam jadual 7.14. Barangan eksport utama ke Singapura termasuk jentera dan kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan seperti barangan elektrik dan elektronik, dan komoditi utama seperti petroleum mentah, minyak kelapa sawit yang diproses, getah, kayu gergaji dan biji koko. Sebaliknya, import dari Singapura meningkat dengan kadar yang lebih tinggi sebanyak 8.7%

kepada RM16.2 bilion (Januari–Julai 1996: 4.9%). Barangan import utama dari Singapura termasuk jentera dan kelengkapan pengangkutan, barang perantara untuk sektor perkilangan, bahanapi galian dan pelincir. Barang-barang ini merupakan 85.8% daripada jumlah import dari Singapura. Dengan pendapatan eksport lebih tinggi daripada nilai import, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan yang lebih kecil sebanyak RM7.5 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari–Julai 1996: RM7.7 bilion).

Didorong oleh peningkatan perdagangan dua hala dengan negara-negara anggota, perdagangan Malaysia dengan negara-negara **ASEAN** (tidak termasuk Singapura) meningkat dengan pesat sebanyak 9.5% kepada RM17.3 bilion atau 7.4%

Jadual 7.14
Perdagangan Dengan Singapura
(Januari–Julai)

	Eksport				Import			
	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1996	1997	1996	1997	1996	1997	1996	1997
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1.5	1.5	-6.7	0.4	0.1	0.1	25.0	5.0
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	1.5	1.5	-16.7	-1.5	2.1	2.4	10.5	14.3
Barang-barang perkilangan, perantara	2.4	2.4	14.3	-0.8	1.8	2.0	3.7	11.1
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	15.0	15.9	11.1	6.0	9.1	9.5	12.3	4.4
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	1.6	1.7	14.3	6.3	0.6	0.7	-0.8	16.7
Pelbagai	0.6	0.6	-5.0	13.4	1.2	1.4	20.0	16.7
JUMLAH	22.6	23.7	7.6	4.9	14.9	16.2	4.9	8.7

Sumber: Jabatan Perangkaan

daripada jumlah perdagangan Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Namun begitu eksport ke Brunei, Indonesia, Filipina, Thailand, Laos, Myanmar dan Vietnam merosot sebanyak 0.6% kepada RM9.1 bilion dalam tempoh kajian (Januari–Julai 1996: 24%). Barangan utama yang dieksport ialah barangan perkilangan, jentera dan kelengkapan pengangkutan. Import, yang terdiri daripada barangan perkilangan, jentera dan kelengkapan pengangkutan, bahanapi galian dan pelincir mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 21.9% kepada RM8.2 bilion (Januari–Julai 1996: 24.1%). Berikutan itu, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan yang lebih kecil sebanyak RM0.9 bilion dengan negara-negara ASEAN (tidak termasuk Singapura) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari–Julai

1996: RM2.4 bilion). Malaysia mencatatkan defisit perdagangan dengan Indonesia berjumlah RM0.4 bilion dan Thailand berjumlah RM0.06 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Walau bagaimanapun, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan dengan negara-negara anggota ASEAN yang baru (Laos, Myanmar dan Vietnam), walaupun jumlah perdagangan dengan negara-negara berkenaan adalah kecil, iaitu merupakan 2.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan ASEAN (termasuk Singapura).

Perdagangan Malaysia dengan **Kesatuan Eropah** (EU) berkembang sebanyak 4.8% kepada RM33.3 bilion atau 14.2% daripada jumlah perdagangan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Jumlah eksport ke EU meningkat

Jadual 7.15
Perdagangan Dengan Kesatuan Eropah
(Januari–Julai)

	Eksport				Import			
	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1996	1997	1996	1997	1996	1997	1996	1997
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1.3	1.1	8.3	-5.4	0.6	0.5	20.0	-16.7
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	1.1	1.1	-26.7	-7.0	0.2	0.3	-33.3	50.0
Barang-barang perkilangan, perantaraan	1.3	1.4	-7.7	7.7	3.3	3.4	0.05	3.0
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	9.4	10.5	14.6	11.7	11.0	11.3	-1.8	2.7
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	2.0	2.1	5.3	5.0	0.8	0.8	14.3	4.7
Pelbagai	0.1	0.2	-53.5	100.0	0.5	0.6	-44.4	20.0
JUMLAH	15.2	16.4	4.8	7.9	16.4	16.9	-3.0	3.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

sebanyak 7.9% kepada RM16.4 bilion, manakala import meningkat sebanyak 3% kepada RM16.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1997, seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.15. Malaysia mencatatkan defisit perdagangan dengan EU berjumlah RM0.4 bilion (Januari–Julai 1996: RM0.5 bilion). Eksport ke EU terdiri daripada jentera dan kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan terutamanya kelengkapan telekomunikasi dan pejabat, tekstil, pakaian dan komponen elektronik serta bahanapi galian. Sebaliknya, import dari EU terdiri daripada jentera dan kelengkapan pengangkutan serta barangan perantaraan untuk perkilangan. Di kalangan

negara-negara EU, perdagangan Malaysia dengan United Kingdom (UK) merosot sebanyak 2.8% kepada RM6.9 bilion atau 20.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan EU. Eksport Malaysia ke UK merosot sebanyak 7.3% kepada RM3.8 bilion, manakala import dari UK meningkat sebanyak 3.3% kepada RM3.1 bilion. Berikutan nilai eksport melebihi nilai import, Malaysia mencatatkan lebihan perdagangan sebanyak RM0.7 bilion (Januari–Julai 1996: RM1.1 bilion). Pada masa yang sama, perdagangan Malaysia dengan Jerman meningkat sebanyak 1.2% kepada RM8.3 bilion, iaitu 24.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan EU. Eksport ke

Jadual 7.16

Perdagangan Dengan Negara Ekonomi–ekonomi Perindustrian Baru Asia¹
(Januari–Julai)

	Eksport				Import			
	Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)		Nilai (RM bilion)		Perubahan tahunan (%)	
	1996	1997	1996	1997	1996	1997	1996	1997
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	0.9	0.9	12.5	7.8	0.1	0.1	-12.7	26.8
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	2.5	3.1	19.0	24.0	0.3	0.2	50.0	-33.3
Barang–barang perkilangan, perantaraan	3.3	3.6	26.9	9.1	3.4	3.3	-5.6	-2.9
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	6.5	7.3	32.7	12.3	8.2	9.4	24.2	14.6
Barang–barang perkilangan, barang–barang siap	0.6	0.7	4.0	16.7	0.8	9.4	24.2	-7.1
Pelbagai	0.1	0.1	4.7	32.4	1.0	0.8	14.2	-20.0
JUMLAH	13.9	15.7	25.2	12.9	13.8	14.5	15.0	5.1

¹Termasuk Kores Selatan, Taiwan dan Hong Kong sahaja.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Jerman juga merosot sebanyak 0.2% kepada RM3.4 bilion, manakala import Malaysia dari Jerman meningkat sebanyak 2.1% kepada RM4.9 bilion, menghasilkan defisit perdagangan sebanyak RM1.5 bilion. Di kalangan negara-negara EU, Jerman merupakan pengimport barangan Malaysia yang terbesar dalam tempoh kajian.

Negara **Ekonomi-ekonomi Perindustrian Baru (NIE)** di Asia (tidak termasuk Singapura) terus menjadi rakan perdagangan utama Malaysia, iaitu sebanyak 12.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari–Julai 1996: 13.3%). Perdagangan dengan negara-negara NIE di Asia (tidak termasuk

Singapura) berkembang sebanyak 9% kepada RM30.2 bilion (Januari–Julai 1996: RM27.7 bilion). Eksport ke negara-negara NIE yang meliputi jentera dan kelengkapan pengangkutan, bahanapi galian dan barangan perkilangan telah meningkat sebanyak 12.9% kepada RM15.7 bilion. Import dari negara-negara NIE, yang terdiri daripada barangan perkilangan, jentera dan kelengkapan pengangkutan meningkat sebanyak 5.1% kepada RM14.5 bilion. Ini menghasilkan lebihan perdagangan sebanyak RM1.2 bilion, berbanding dengan lebihan sebanyak RM0.1 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1996. Antara negara-negara NIE, perdagangan Malaysia dengan Taiwan adalah yang tertinggi, iaitu 36.4%

Jadual 7.17

Haluan Perdagangan Dengan Rakan Dagangan Lain
(Januari–Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>				<i>Imbangan Perdagangan (RM bilion)</i>	
	<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan(%)</i>		<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan(%)</i>			
	1996	1997	1996	1997	1996	1997	1996	1997	1996	1997
ASEAN (termasuk Singapura)	31.7	31.7	12.4	0.02	21.7	24.4	15.4	12.4	10.0	7.3
China	2.6	2.6	-16.1	0.4	2.5	3.3	4.2	32.0	0.1	-0.7
Australia	1.7	1.9	6.3	11.7	3.1	3.0	10.7	-3.2	-1.4	-1.1
New Zealand	0.4	0.3	33.3	-25.0	0.5	0.6	25.0	20.0	-0.1	-0.3
Asia Barat	2.1	2.2	-8.7	4.8	0.8	0.9	33.3	12.5	1.3	1.3
Eropah Tengah & Timur	0.2	0.2	-17.5	-1.1	0.2	0.2	-17.6	21.0	-0.003	-0.05
Lain-lain Rakan Dagangan	2.0	2.4	-9.1	20.0	1.7	2.0	6.3	17.6	0.3	0.4
JUMLAH	40.7	41.3	6.8	1.5	30.5	34.4	13.8	12.8	10.2	6.9
Sumbangan kpd eksport atau import	36.2	35.8			26.8	28.9				

Sumber: Jabatan Perangkaan

daripada jumlah perdagangan dengan NIE, diikuti oleh Korea Selatan (32.8%) dan Hong Kong (30.8%). Perdagangan dengan Taiwan berkembang sebanyak 12.2% kepada RM11.0 bilion, setelah mengambilkira pertumbuhan eksport yang pesat sebanyak 28.6% kepada RM5.4 bilion, manakala import dari Taiwan meningkat sedikit pada kadar 0.2% kepada RM5.6 bilion. Berikutan itu, perdagangan Malaysia dengan Taiwan telah menghasilkan defisit yang kecil sebanyak RM0.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari–Julai 1996: -RM1.4 bilion). Sementara itu, perdagangan dengan Korea Selatan meningkat sebanyak 11.2% kepada RM9.9 bilion dalam tempoh yang sama (Januari–Julai 1996: RM8.9 bilion). Eksport ke Korea Selatan berkembang sebanyak 12.1% kepada RM3.7 bilion, manakala import meningkat sebanyak 10.7% kepada RM6.2 bilion. Berikutan itu, Malaysia mencatatkan defisit perdagangan sebanyak RM2.5 bilion dengan Korea Selatan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari–Julai 1996: -RM 2.3 bilion). Perdagangan dengan Hong Kong meningkat sebanyak 2.2% kepada RM9.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari–Julai 1996: RM9.1 bilion). Malaysia mencatatkan lebih perdagangan berjumlah RM3.7 bilion dengan Hong Kong, dengan eksport meningkat sebanyak 0.1% kepada RM6.5 bilion dan import meningkat sebanyak 7.7% kepada RM 2.8 bilion.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan **Republik Rakyat China (China)**, tidak termasuk Hong Kong, meningkat sebanyak 15.7% kepada RM5.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Ini disebabkan oleh import yang tinggi, meningkat sebanyak 32% kepada RM3.3 bilion, terutamanya import barangan perkilangan. Eksport Malaysia ke China hanya meningkat sebanyak 0.4% kepada RM2.6 bilion. Ini menyebabkan perdagangan Malaysia dengan China mencatatkan defisit sebanyak RM0.7 bilion, berbanding dengan lebih sebanyak RM0.1 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1996. Eksport Malaysia ke China terdiri daripada komoditi utama seperti kayu balak, getah dan minyak kelapa sawit serta barangan perkilangan.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, jumlah perdagangan dengan **Australia** meningkat sebanyak 2.1% kepada RM4.9 bilion manakala dengan **New Zealand** merosot sebanyak 6.2% kepada RM0.9 bilion. Eksport ke Australia

meningkat sebanyak 11.7% kepada RM1.9 bilion manakala import pula merosot sebanyak 3.2% kepada RM3.0 bilion. Berikutan nilai import yang melebihi eksport, Malaysia mencatatkan defisit perdagangan dengan Australia, berjumlah RM 1.1 bilion (Januari–Julai 1996: -RM1.4 bilion). Dalam pada itu, eksport ke New Zealand merosot sebanyak 25% kepada RM0.3 bilion manakala import meningkat sebanyak 20% kepada RM0.6 bilion. Berikutan itu, Malaysia mencatatkan defisit perdagangan sebanyak RM0.3 bilion, lebih tinggi berbanding dengan defisit sebanyak RM0.1 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1996. Eksport Malaysia ke Australia dan New Zealand merangkumi minyak kelapa sawit, getah, timah, petroleum mentah dan kayu gergaji, manakala import Malaysia pula kebanyakannya terdiri daripada keluaran tenusu, gandum dan daging.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan **Asia Barat**, yang merangkumi hanya 1.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat sebanyak 6.9% kepada RM3.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Jumlah eksport ke Asia Barat meningkat sebanyak 4.8% kepada RM2.2 bilion, manakala import juga meningkat sebanyak 12.5% kepada RM0.9 bilion. Dengan ini, perdagangan Malaysia dengan negara-negara Asia Barat mencatatkan lebih sebanyak RM1.3 bilion pada tempoh kajian. Eksport ke Asia Barat terutamanya terdiri daripada minyak kelapa sawit, makanan dan barangan elektrik. Sebaliknya, import dari Asia Barat yang terdiri daripada minyak, pelincir dan bahan mentah tidak boleh dimakan. Di kalangan negara-negara Asia Barat, Emiriah Arab Bersatu mencatatkan nilai perdagangan yang paling tinggi, iaitu berjumlah RM1.1 bilion atau 35.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan Asia Barat, diikuti oleh Arab Saudi (32.3%) dan Jordan (9.7%).

Jumlah perdagangan Malaysia dengan **Eropah Tengah dan Timur** bernilai RM0.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, menunjukkan peningkatan sebanyak 10% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1996. Jumlah eksport ke Eropah Tengah dan Timur merosot sebanyak 1.1% kepada RM0.2 bilion dan import meningkat sebanyak 21% kepada RM0.2 bilion, menghasilkan defisit perdagangan sebanyak RM0.05 bilion. Eksport utama ke negara-negara berkenaan ialah jentera dan kelengkapan pengangkutan, bahanapi mentah dan barangan

perkilangan, manakala import pula terdiri daripada terutamanya barangan perkilangan, jentera dan peralatan pengangkutan serta makanan.

Imbangan Pembayaran

Defisit **akaun semasa** imbangan pembayaran dijangka berkurangan sebanyak 5.2% daripada KNK pada tahun 1996 kepada 5% daripada KNK pada tahun 1997. Walau bagaimanapun, jumlah defisit ini dijangka melebar sebanyak kurang

daripada RM1 bilion kepada RM13.1 bilion berbanding defisit sebanyak RM12.3 bilion pada tahun 1996, terutamanya disebabkan oleh import barang modal yang tinggi khususnya kapal terbang komersial dan kapal yang memberi kesan negatif secara sederhana ke atas akaun dagangan. Didorong oleh peningkatan eksport perkhidmatan (eksport perkhidmatan tidak termasuk pendapatan pelaburan) sebanyak 13.3%, defisit akaun perkhidmatan dijangka berkurangan untuk pertama kali sejak 1990. Aliran masuk modal jangka panjang khususnya pelaburan swasta jangka panjang bersih

Jadual 7.18

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
(RM juta)

	1996			1997 ^e			1998 ^f
	+	-	Bersih	+	-	Bersih	Bersih
Akaun Dagangan (Eksport & import fob)	193,127	182,973	10,154	204,701	195,031	9,670	10,858
Akaun Perkhidmatan	43,443	62,913	-19,470	49,011	68,060	-19,049	-18,351
Fret dan insuran	2,832	11,354	-8,522	3,215	11,710	-8,495	-8,598
Pengangkutan lain	5,411	3,919	1,492	6,493	4,095	2,398	3,533
Perjalanan	11,264	6,478	4,786	11,925	6,805	5,120	6,156
Pendapatan Pelaburan	6,362	18,047	-11,685	6,998	18,980	-11,982	-12,748
Urusniaga Kerajaan	324	360	-36	330	365	-35	-13
Perkhidmatan lain	17,250	22,755	-5,505	20,050	26,105	-6,055	-6,681
Akaun dagangan dan perkhidmatan	236,570	245,886	-9,316	253,712	263,091	-9,379	-7,693
Bayaran pindahan	2,000	4,936	-2,936	2,245	5,950	-3,705	-3,798
Akaun semasa	238,570	250,822	-12,252	255,957	269,041	-13,084	-11,291

^e Anggaran

^f Ramalan

dijangka terus kukuh pada tahun 1997. Aliran masuk modal jangka panjang bersih ini dijangka lebih daripada mencukupi untuk membiayai defisit akaun semasa. Ini menyebabkan imbalan asas dijangka mencatat lebihan yang besar. Dengan modal jangka pendek dijangka mencatat aliran keluar bersih dalam tahun 1997, berpunca daripada pasaran kewangan yang tidak menentu dalam tempoh suku ketiga tahun ini, imbalan keseluruhan dijangka mencatat defisit sebanyak RM8.2 bilion dalam tahun 1997. Akibatnya, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia dijangka merosot kepada RM61.8 bilion pada akhir tahun 1997, mampu untuk membiayai 3.8 bulan import tertangguh berbanding RM70 bilion (4.6 bulan import tertangguh) pada akhir tahun 1996. Sekiranya keuntungan dari penilaian semula dibuat selepas mengambilkira kesan kejatuhan nilai ringgit, rizab antarabangsa pada akhir tahun 1997 akan menjadi lebih tinggi.

Akaun Semasa

Eksport dagangan, dinilai f.o.b, dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6% kepada RM204.7 bilion pada tahun 1997 (1996: 7.6%). Pertumbuhan yang perlahan ini berpunca daripada pertumbuhan eksport perkilangan yang perlahan akibat kejatuhan harga global terutamanya bagi barangan separa pengalir dan barangan audio-visual serta kemerosotan pendapatan petroleum. **Import dagangan** dijangka meningkat dengan lebih pesat sebanyak 6.6% kepada RM195.0 bilion pada tahun 1997 (1996: 2%), mencerminkan peningkatan import barangan 'lumpy' seperti kapal terbang komersial dan kapal, bagi meningkatkan keupayaan pengangkutan sektor perkhidmatan untuk meningkatkan eksport perkhidmatan dan menggantikan perkhidmatan yang diimport. Dengan import dagangan meningkat lebih pesat berbanding eksport, akaun dagangan dijangka mencatatkan lebihan yang kecil iaitu sebanyak RM9.7 bilion pada tahun 1997, berbanding lebihan sebanyak RM10.2 bilion yang dicatat pada tahun 1996.

Akaun perkhidmatan dijangka bertambah baik pada tahun 1997, di mana defisit akaun perkhidmatan dijangka menjadi lebih kecil daripada RM19.5 bilion pada tahun 1996 kepada RM19.0 bilion pada tahun 1997. Ini terutamanya disebabkan oleh kadar pertumbuhan yang pesat dalam eksport perkhidmatan (tidak termasuk pendapatan

pelaburan) yang mengatasi kadar pertumbuhan import perkhidmatan. Pada tahun 1997, eksport perkhidmatan yang boleh didagang (tidak termasuk pendapatan pelaburan) dijangka meningkat sebanyak 13.3% (1996: 25.7%) kepada RM42.0 bilion, manakala import perkhidmatan dijangka meningkat pada kadar yang semakin perlahan sebanyak 9.4% (1996: 16.9%) kepada RM49.1 bilion. Oleh itu, akaun dagangan perkhidmatan dijangka mencatatkan defisit yang lebih kecil sebanyak RM7.1 bilion pada tahun 1997 (1996: RM7.8 bilion). Defisit yang kecil ini disebabkan oleh pelaburan yang dibuat bagi meningkatkan keupayaan sektor perkhidmatan untuk meningkatkan eksport perkhidmatan dan menggantikan perkhidmatan yang diimport, seperti fret dan insuran, perkhidmatan pelabuhan, pengangkutan lain, pelancungan dan pendidikan serta perkhidmatan-perkhidmatan profesional. Pada tahun 1997, akaun perjalanan dan pengangkutan lain khususnya pengangkutan udara dijangka mencatatkan lebihan yang lebih besar, manakala akaun fret dan insuran dijangka mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil. Selepas mengambilkira bayaran pendapatan pelaburan bersih sebanyak RM12.0 bilion yang dijangkakan pada tahun 1997 (1996: RM11.7 bilion), akaun perkhidmatan (termasuk pendapatan pelaburan) dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM19.0 bilion iaitu lebih kecil berbanding dengan defisit sebanyak RM19.5 bilion yang dicatatkan pada tahun 1996.

Aliran keluar **pendapatan pelaburan** bersih kekal sebagai penyumbang utama defisit akaun perkhidmatan. Aliran keluar pendapatan pelaburan kasar dijangka meningkat sebanyak 5.5% kepada RM19.0 bilion pada tahun 1997 (1996: RM18.0 bilion), terutamanya disebabkan oleh bayaran faedah yang tinggi kerana pinjaman oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (NFPes) dan sektor swasta meningkat di samping kesan daripada kejatuhan nilai ringgit di pasaran pertukaran asing. Walau bagaimanapun, keuntungan dan dividen yang dibawa keluar oleh pelaburan asing yang beroperasi di Malaysia dijangka stabil selaras dengan pendapatan eksport yang rendah, khususnya eksport perkilangan. Dalam masa yang sama, terimaan pendapatan pelaburan dijangka meningkat kepada RM7.0 bilion pada tahun 1997 berbanding RM6.4 bilion yang dicatatkan pada tahun 1996, sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan pelaburan di luar negeri oleh rakyat Malaysia yang ketara.

Aliran keluar bersih **fret dan insuran** dijangka merosot sedikit daripada RM8.52 bilion dalam tahun 1996 kepada RM8.5 bilion pada tahun 1997. Bayaran kasar fret dan insuran dianggarkan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.6% kepada RM11.7 bilion pada tahun 1997 (1996: RM11.4 bilion) hasil daripada pertumbuhan import yang sederhana dan kurang pergantungan kepada kapal-kapal asing dan perkhidmatan insuran semula. Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan dari fret dan insuran dijangka meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 14.3% kepada RM3.2 bilion berbanding RM2.8 bilion pada tahun 1996, mencerminkan kesan daripada peningkatan keupayaan syarikat perkapalan dan penerbangan tempatan. Walau bagaimanapun, pendapatan ini masih belum mencukupi bagi menampung jumlah bayaran fret dan insuran.

Begitu juga, defisit **perkhidmatan lain** dijangka terus melebar daripada RM5.5 bilion pada tahun 1996 kepada RM6.1 bilion pada tahun 1997. Jumlah bayaran bagi perkhidmatan lain, seperti bayaran kontrak dan profesional, yuran pengurusan dan agensi, bayaran royalti, yuran francais, komisyen, gaji dan elaun kepada bukan pemastautin dijangka meningkat kepada RM26.1 bilion pada tahun 1997 (1996: RM22.8 bilion). Peningkatan bayaran kasar ini disebabkan oleh aliran keluar pelaburan asing yang besar sejak tahun-tahun kebelakangan ini dan sebahagiannya disebabkan oleh perlaksanaan beberapa projek infrastruktur di samping pelaburan dalam sektor minyak dan gas. Jumlah terimaan daripada perkhidmatan lain dijangka meningkat daripada RM17.3 bilion pada tahun 1996 kepada RM20.1 bilion pada tahun 1997, mencerminkan sebahagiannya pendapatan yang tinggi dari bayaran kontrak dan profesional hasil daripada pelaburan Malaysia di luar negeri di samping pendapatan daripada perdagangan.

Akaun **perjalanan** dijangka akan terus bertambah baik, mencatatkan lebih banyak RM5.1 bilion pada tahun 1997 berbanding lebih banyak RM4.8 bilion yang dicatatkan pada tahun 1996. Berasaskan anggaran ketibaan pelancong seramai 9.5 juta ke Malaysia pada tahun 1997, jumlah terimaan perjalanan dijangka meningkat kepada RM11.9 bilion, iaitu 5.3% lebih tinggi daripada RM11.3 bilion yang dicatat pada tahun 1996. Walau bagaimanapun, sekiranya masalah jerebu yang dialami sekarang berterusan, angka ramalan tersebut mungkin tidak tercapai. Ketibaan pelancong dari negara-negara ASEAN dijangka kekal dan menyumbang hampir 73% daripada

jumlah ketibaan, terutamanya pelancong dari Singapura yang dijangka merupakan 55% daripada jumlah keseluruhan ketibaan pelancong di Malaysia dalam tahun ini. Bagi negara-negara bukan ASEAN pula, bilangan pelancong dari Jepun dijangka 4.5% daripada jumlah ketibaan pelancong, Taiwan 3.3%, United Kingdom 2.3%, Hong Kong 2% dan Australia 2.1%. Walau bagaimanapun, bayaran kasar bagi perjalanan dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 5% kepada RM6.8 bilion (1996: 11.8%) mencerminkan sebahagiannya kesan positif gantian import hasil dari perkembangan pesat kolej swasta yang menawarkan pendidikan tinggi kepada penuntut Malaysia, di samping berkurangnya bilangan rakyat Malaysia ke luar negeri untuk melancong akibat kejatuhan nilai ringgit.

Pengangkutan lain yang terdiri daripada bayaran penumpang, bayaran pelabuhan dan lapangan terbang, bayaran minyak dan yuran sewa khas dijangka mencatat lebih banyak daripada tahun 1996 sebanyak RM2.4 bilion pada tahun 1997 berbanding lebih banyak RM1.5 bilion pada tahun 1996. Terimaan kasar bagi pengangkutan lain dijangka meningkat sebanyak 20.4% kepada RM6.5 bilion pada tahun 1997 (1996: RM5.4 bilion) berpunca daripada peningkatan kapasiti Syarikat Penerbangan Malaysia ekoran daripada pembelian tujuh buah kapal terbang baru, di samping meningkatnya kekerapan penerbangan dan laluan baru. Tambahan pula, terimaan dari perkhidmatan yang berkaitan dengan pelabuhan, khususnya Pelabuhan Klang dijangka terus meningkat pada tahun 1997. Sebaliknya, bayaran kasar kepada pengangkutan lain dijangka mencatatkan pertumbuhan yang perlahan sebanyak 4.5% kepada RM4.1 bilion pada tahun 1997 (1996: 6.0%), selaras dengan kemungkinan berkurangnya bilangan rakyat Malaysia melancong ke luar negeri dalam tempoh separuh kedua tahun ini akibat kejatuhan nilai ringgit.

Akaun urusanniaga Kerajaan dijangka mencatat defisit sebanyak RM35 juta pada tahun 1997 berbanding defisit sebanyak RM36 juta pada tahun 1996. Bayaran kasar dijangka merosot 4.2% kepada RM365 juta (1996: RM360 juta), berpunca sebahagian besarnya daripada pengurangan perbelanjaan oleh pejabat Kedutaan Luar Malaysia di luar negeri dan bantuan teknikal yang diberi oleh Kerajaan kepada Negara-Negara Dunia Ketiga di bawah Rancangan Bantuan Teknikal Malaysia. Sebaliknya, jumlah terimaan urusanniaga Kerajaan pula dijangka berjumlah RM330 juta pada tahun 1997, iaitu 1.9% lebih tinggi berbanding dengan

RM324 juta yang dicatatkan pada tahun 1996 setelah mengambilkira kesan dari penurunan nilai ringgit ke atas operasi agensi Kerajaan asing di Malaysia.

Dengan aliran masuk bersih yang lebih besar bagi perjalanan, defisit akaun perkhidmatan dijangka berkurang daripada RM19.5 bilion (8.2% daripada KNK) pada tahun 1996 kepada RM19.0 bilion (7.3% daripada KNK) pada tahun 1997. Bagaimanapun, lebihan akaun dagangan tidak mampu untuk menampung defisit akaun perkhidmatan. Setelah mengambilkira aliran keluar bayaran pindahan bersih sebanyak RM3.7 bilion berpunca daripada penghantaran wang oleh pekerja asing, defisit **akaun semasa** imbalan pembayaran dijangka mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM13.1 bilion berbanding RM12.3 bilion pada tahun 1996. Dari segi KNK, jumlah ini adalah suatu petanda yang baik, di mana defisit berkurangan daripada sebanyak 5.2% daripada KNK pada tahun 1996 kepada 5% daripada KNK pada tahun 1997.

Akaun Modal

Aliran masuk **akaun modal jangka panjang** dijangka terus meningkat pada tahun 1997 meningkat kepada RM18.8 bilion iaitu mampu untuk membiayai defisit akaun semasa. Oleh itu, imbalan asas terus mencatatkan lebihan, iaitu sebanyak RM5.7 bilion (1996: RM1.3 bilion). Ini disebabkan oleh **aliran bersih pelaburan swasta jangka panjang** yang berjumlah RM13.2 bilion (1996: RM12.8 bilion) dan **aliran masuk modal bersih rasmi** sebanyak RM5.6 bilion (1996: RM0.8 bilion). Aliran masuk kasar pelaburan swasta jangka panjang dijangka meningkat kepada RM21.9 bilion (1996: RM19.4 bilion) mencerminkan kesan dari jumlah pelaburan asing yang besar diluluskan oleh MIDA sejak 1994 serta pelaburan di dalam sektor minyak dan gas. Kira-kira 42% daripada aliran masuk modal persendirian jangka panjang dijangka dalam bentuk keuntungan tertangguh dari syarikat asing bagi pelaburan semula, sementara bakinya dalam bentuk aliran masuk pelaburan baru. Walau bagaimanapun, aliran masuk kasar dijangka akan diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan pelaburan rakyat Malaysia di luar negeri. Pelaburan Malaysia di luar negeri dijangka meningkat daripada RM6.6 bilion pada tahun 1996 kepada RM8.7 bilion pada

tahun 1997. Justeru itu, aliran masuk bersih modal swasta jangka panjang dijangka sebanyak RM13.2 bilion pada tahun 1997.

Pelaburan jangka panjang rasmi dijangka mencatat aliran masuk bersih yang tinggi sebanyak RM5.6 bilion pada tahun 1997 (1996: RM0.8 bilion). Ini sebahagiannya disebabkan oleh pinjaman luar bersih yang tinggi oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) berjumlah RM7.0 bilion (1996: RM2.8 bilion). Pinjaman kasar oleh PABK dijangka meningkat daripada RM8.1 bilion pada tahun 1996 kepada RM9.1 bilion pada tahun 1997 hasil daripada penjualan bon dan pinjaman luar pesisir oleh TNB, Petronas dan Telekom Malaysia Berhad. Sebaliknya, bayaran kasar oleh PABK dijangka sebanyak RM2.0 bilion (1996: RM5.3 bilion) berpunca daripada pembayaran awal oleh Petronas dalam tahun ini. Dalam tahun 1997, Kerajaan Pusat dijangka meminjam RM0.4 bilion sementara pembayaran semula berjumlah RM1.9 bilion, menghasilkan bayaran bersih sebanyak RM1.5 bilion (1996: -RM2.2 bilion). Kerajaan Pusat dijangka membuat pembayaran awal berjumlah RM0.9 bilion pada tahun 1997.

Walaupun **imbalan asas** dijangka mencatatkan lebihan sebanyak RM5.7 bilion, kedudukan keseluruhan imbalan pembayaran dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM8.2 bilion. Ini berpunca daripada aliran keluar bersih modal swasta jangka pendek yang dijangka sebanyak RM13.9 bilion (termasuk ralat dan ketinggalan) ekoran daripada keadaan tidak menentu pasaran kewangan yang disebabkan oleh aktiviti spekulasi ke atas mata wang Baht sejak pertengahan Mei 1997. Akibatnya, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia (tidak termasuk hasil penilaian semula daripada penurunan nilai ringgit) dijangka berkurang kepada RM61.8 bilion pada akhir tahun 1997, yang mampu menampung 3.8 bulan import tertangguh.

Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing

Nilai ringgit yang mengukuh pada awal tahun ini mengalami tekanan dalam tempoh suku ketiga tahun 1997 berikutan kesan aktiviti spekulasi ke atas mata wang-mata wang serantau yang bermula daripada perkembangan di Thailand sejak pertengahan bulan Mei yang telah menjadi tumpuan pasaran pertukaran mata wang asing. Ringgit yang meningkat berbanding dengan kebanyakan mata


wang utama dalam tempoh suku pertama tahun 1997 telah mula menyusut selepas itu, iaitu bersama-sama dengan kebanyakan mata wang lain di rantau ini yang mengalami tekanan jualan yang hebat. Nilai ringgit telah meningkat sebanyak 2.0% berbanding dengan **dolar Amerika Syarikat (AS)** daripada tahap AS\$1=RM2.5279 pada akhir tahun 1996 kepada AS\$1=RM2.4790 pada akhir bulan Mac 1997 disebabkan oleh penurunan defisit akaun semasa pada tahun 1996 dan pemulihan akaun dagangan dalam tempoh suku pertama tahun 1997. Dalam tempoh suku kedua pula, ringgit didagangkan di antara RM2.51 hingga RM2.52 dan ditutup 0.2% lebih tinggi pada tahap AS\$1=RM2.5235 pada akhir bulan Jun 1997.

Seterusnya, nilai ringgit mula merosot berbanding dengan mata wang-mata wang utama berikutan aliran keluar modal jangka pendek pada bulan April, peningkatan dolar AS dan kesan tekanan spekulatif akibat perkembangan di rantau ini. Semenjak bulan Mei, perkembangan yang khususnya berlaku di Thailand telah bertindak sebagai pemangkin yang memperhebatkan lagi tekanan spekulasi ke atas mata wang-mata wang rantau ini. Dalam suasana ini, nilai ringgit telah mengalami tahap pergolakan yang lebih tinggi mencerminkan perkembangan-perkembangan antarabangsa, serantau dan tempatan.

Di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, dolar AS dan pound sterling telah mengukuh dengan ketara pada sebahagian besar tahun 1997. Keadaan ini wujud walaupun kedua-dua negara tersebut mengalami defisit akaun semasa yang agak tinggi. Kekukuhan mata wang-mata wang ini disebabkan oleh pemulihan rancak ekonomi tempatan masing-masing, berbanding dengan suasana pemulihan ekonomi yang lembap di Eropah dan Jepun. Tambahan pula, ketidakpastian pembentukan Kesatuan Mata Wang Eropah dan kerapuhan sektor kewangan Jepun telah memperkukuhkan arah aliran ini. Berikutan daripada perkembangan-perkembangan ini, perubahan strategi oleh pengurus-pengurus dana antarabangsa untuk meningkatkan jumlah bahagian pelaburan mereka di Amerika Syarikat dan United Kingdom telah menggalakkan lagi prestasi pasaran-pasaran modal di negara-negara tersebut dan turut memperkukuhkan mata wang masing-masing.

Secara keseluruhannya, kesan sampingan (contagion effects) ketidakstabilan mata wang rantau ini menjadi lebih ketara selepas tempoh

Carta 7.9
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia^{1/}



1/ Pada akhir bulan Mac, Jun, September dan Disember

2/ Setiap ¥ 100

3/ Pada 29 Ogos 1997

↓ Kenaikan nilai Ringgit Malaysia
↑ Penyusutan nilai Ringgit Malaysia

suku kedua tahun ini. Berikutan daripada perkembangan antarabangsa dan arah aliran yang muncul khususnya di Thailand, baht Thailand telah diapungkan pada 2 Julai 1997. Perkembangan di Thailand telah menyebabkan aktiviti spekulasi menular di pasaran mata wang negara -negara jiran, termasuk ringgit. Pada 19 September 1997, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 16.7% berbanding dengan dolar AS kepada tahap AS\$1=RM3.0355 jika dibandingkan kedudukannya pada akhir tahun 1996 (AS\$1=RM2.5279). Penyusutan nilai ringgit ini adalah lebih rendah berbanding baht Thailand (28.3%), peso Filipina (20.8%) dan rupiah Indonesia (19.5%). Dolar Singapura pula telah mencatatkan penyusutan sebanyak 7.8%.

Demi mengekalkan suasana yang teratur dalam pasaran pertukaran asing, Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan had AS\$2 juta ke atas urusan swap yang bukan berkaitan dengan perdagangan pada bahagian tawaran dengan pelanggan asing, berkuatkuasa 4 Ogos 1997. Langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan bagi menstabilkan nilai ringgit termasuk keputusan untuk menangguhkan beberapa projek infrastruktur besar, membuat potongan menyeluruh sebanyak 2.0% ke atas perbelanjaan Kerajaan, mengkaji semula pembelian barangan asing yang banyak oleh agensi-agensi Kerajaan, hanya membenarkan kereta-kereta Proton untuk ahli-ahli pentadbiran dan pegawai-pegawai Kerajaan yang layak serta meningkatkan lagi penggunaan bahan-bahan

tempatan dalam projek-projek penswastaan. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran terhadap ringgit masih lemah dan ringgit ditutup pada tahap AS\$1 = RM3.1975 pada 30 September 1997.

Nilai ringgit telah meningkat berbanding dengan **pound sterling** dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 dan mula menyusut selepas itu. Nilai ringgit meningkat sebanyak 1.8% pada akhir bulan Jun 1997 untuk mencapai tahap £1=RM4.1989 berbanding dengan tahap yang dicapai pada akhir tahun 1996. Nilai ringgit mula menyusut selepas itu. Dengan ini, nilai ringgit mencatatkan penyusutan sebanyak 12.4% berbanding dengan pound sterling pada 19 September 1997, berbanding dengan tahap yang dicapai pada akhir tahun 1996. Pergerakan ringgit berbanding dengan mata wang-mata wang utama yang lain juga menunjukkan arah aliran yang sama, iaitu peningkatan pada tempoh setengah tahun pertama dan kemudiannya mula menyusut. Dalam tempoh 1 Januari hingga 19 September 1997, nilai ringgit secara keseluruhannya telah menyusut sebanyak 4.7% berbanding dengan **Deutsche Mark**, 9.6% berbanding dengan **dolar Singapura** dan 12.4% berbanding dengan **yen Jepun**.

Jumlah urusan pasaran pertukaran asing bernilai RM822.4 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997. Daripada jumlah ini, sebanyak 91.3% diurusniagakan dalam dolar AS, diikuti oleh Deutsche Mark, yen Jepun dan dolar Singapura.

RENCANA 2

Arah Aliran Terkini Kadar Syarat Perdagangan Bagi Malaysia

I. Pengenalan

Dalam tempoh tahun 1987-1995, pendapatan eksport Malaysia telah meningkat pada tahap yang pantas, pada purata 20.2% setahun. Kadar pertumbuhan yang tinggi ini didorong oleh pertumbuhan eksport barangan perkilangan yang pesat, pada purata 28.6% setahun dalam tempoh yang sama. Hasil daripada pertumbuhan eksport sektor perkilangan yang kukuh ini, sumbangannya kepada jumlah eksport telah meningkat daripada 45.0% pada tahun 1987 kepada 79.7% pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1996, pertumbuhan pendapatan eksport mula perlahan dengan ketara kepada 6.3% pada tahun 1996 dan 2.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Pertumbuhan yang perlahan ini sebahagian besarnya disebabkan pertumbuhan pendapatan eksport barangan perkilangan yang semakin

perlahan iaitu daripada 22.9% pada tahun 1995 kepada 8.1% pada tahun 1996 dan 1.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Peningkatan yang semakin perlahan ini disebabkan oleh kemerosotan harga eksport barangan perkilangan seperti chip digital random access memory (DRAM) dan keluaran audio-visual yang ketara akibat persaingan pasaran global. Justeru itu, walaupun jumlah eksport dari segi kuantiti kukuh, pertumbuhan pendapatan eksport perkilangan semakin lembap sejak tahun 1996. Tujuan rencana ini ialah untuk menganalisa arah aliran harga eksport dan perbandingannya dengan harga import barangan, untuk melihat arah aliran kadar syarat perdagangan luar Malaysia.

II. Indeks Harga Eksport dan Hubungannya Dengan Pergerakan Kadar Pertukaran

Harga purata pasaran bagi semua barangan yang dieksport oleh Malaysia atau indeks harga eksport keseluruhan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, meningkat dengan ketara sejak tahun 1987 hingga 1997, kecuali pada tahun 1992

Jadual 1

Indeks Harga Eksport Mengikut Sektor Utama, 1987-1997*

Indeks (1987=100)


	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997
Pertanian	100.0	120.0	112.6	100.9	108.1	111.9	131.6	148.7	169.2	161.3	160.2
Perlombongan	100.0	92.2	108.7	133.3	128.4	114.4	106.2	95.8	100.0	114.2	125.0
Perkilangan	100.0	109.3	118.9	121.7	127.2	126.7	133.7	145.9	156.2	156.7	145.9
Eksport Keseluruhan	100.0	109.3	114.7	117.2	121.2	119.3	127.4	136.5	149.0	149.5	146.3

Kadar Perubahan Tahunan (%)

	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1987-95	1996-97
Pertanian	15.8	20.0	-6.2	-10.4	7.2	3.5	17.6	13.0	13.8	-4.7	0.7	7.8	-2.7
Perlombongan	17.2	-7.8	17.9	22.7	-3.7	-10.8	-7.2	-9.8	4.4	14.2	9.4	1.8	11.8
Perkilangan	5.6	9.3	8.8	2.3	4.6	-0.4	5.5	9.1	7.1	0.3	-6.9	5.7	-3.4
Eksport Keseluruhan	11.1	9.3	5.0	2.2	3.4	-1.5	6.7	7.2	9.1	0.4	-2.1	5.8	-0.9

*Bagi tahun 1997, indeks merujuk kepada tujuh bulan pertama

Carta 1
Kadar Syarat Perdagangan dan Kadar Pertukaran



yang telah mencatatkan kemerosotan sebanyak 1.5%. Peratusan peningkatan terkumpul bagi indeks harga eksport keseluruhan sejak tahun 1987 hingga 1995 ialah 49.0% dengan nilai indeks meningkat daripada 100 pada 1987 (kiraan tahun asas) kepada 149 pada tahun 1995 manakala peningkatan kadar purata tahunan dalam tempoh tersebut adalah 5.8%. Dalam tempoh 1987-1995, harga eksport purata bagi komoditi pertanian mencatatkan peningkatan yang tertinggi pada kadar 7.8% setahun atau 69.2% dari segi indeks terkumpul. Jumlah terkumpul indeks ini meningkat daripada 100 pada tahun 1987 kepada 169.2 pada tahun 1995. Antara eksport komoditi pertanian yang mencatatkan harga yang kukuh dalam tempoh tersebut ialah minyak isirong kelapa sawit, meningkat pada kadar purata 13.2% setahun, minyak kelapa sawit sebanyak 9.3%, kayu gergaji sebanyak 8.8%, dan getah sebanyak 7.4% manakala harga eksport lada hitam merosot sebanyak 4.7% dan koko sebanyak 3.9%.

Bagi eksport perkilangan, harga puratanya telah meningkat pada kadar 5.7% setahun dalam tempoh 1987-1995 atau kenaikan 56.2% dari segi indeks terkumpul. Komoditi utama sektor perlombongan,

secara puratanya mencatatkan peningkatan harga yang paling perlahan, iaitu pada kadar purata 1.8% setahun. Dalam tempoh tersebut, petroleum mentah mencatatkan kenaikan purata tahunan sebanyak 2.2%, gas asli cecair sebanyak 1.4% dan timah merosot sebanyak 0.4%.

Walau bagaimanapun, kadar peningkatan indeks harga eksport keseluruhan meningkat dengan perlahan daripada 9.1% pada tahun 1995 kepada 0.4% pada tahun 1996. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, indeks tersebut merosot sebanyak 2.1%. Perubahan kadar purata indeks harga eksport keseluruhan sejak tahun 1996 hingga akhir tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 telah merosot sebanyak 0.9%. Kemerosotan ini disebabkan oleh pengurangan dalam indeks harga eksport komoditi pertanian pada kadar purata 2.7% setahun dan barangan perkilangan 3.4% setahun, manakala komoditi perlombongan meningkat pada kadar purata 11.8% setahun dalam tempoh yang sama.


Carta 1 menggambarkan arah aliran indeks harga eksport keseluruhan meningkat dengan ketara sejak tahun 1987 hingga 1995 sebelum berada pada tahap genangan pada tahun 1996 dan seterusnya mula merosot dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Ini dapat dilihat daripada Carta 1 dan Jadual 2 yang menunjukkan hubungan langsung antara arah aliran indeks harga eksport keseluruhan dan kadar pertukaran ringgit mengikut wajaran perdagangan. Jadual 2 menunjukkan dalam tempoh tahun 1987 hingga 1995, kadar pertukaran ringgit mengikut wajaran perdagangan telah menyusut secara beransur-ansur, kecuali pada tahun 1992, daripada indeks kadar pertukaran sebanyak 100 pada tahun 1987 (tahun asas) kepada 79.1 pada tahun 1995. Dari segi indeks terkumpul, ianya menyusut sebanyak 20.9% atau pada kadar purata tahunan -3.2%. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1996 hingga tujuh bulan pertama tahun 1997, kadar pertukaran ringgit dari segi nilai purata telah meningkat sebanyak 4.2% berdasarkan purata bulanan tahunan. Ini dapat dilihat daripada Carta 1 dan Jadual 2, bilamana nilai ringgit telah menyusut secara beransur-ansur dalam tempoh tahun 1987-1995 kecuali pada tahun 1992 yang meningkat dengan kukuh, indeks harga eksport keseluruhan mencatatkan arah aliran yang sebaliknya. Apabila ringgit naik dalam tempoh tahun 1996 dan 1997, nilai indeks harga eksport sebaliknya merosot.

Carta 2 dan Jadual 3 menunjukkan arah aliran pertumbuhan pendapatan eksport yang kukuh

dalam tempoh 1987-1995 disebabkan oleh peningkatan harga eksport yang pesat dan pertumbuhan jumlah eksport dari segi kuantiti yang kukuh. Pada tahun 1992, harga eksport yang rendah telah menyebabkan pertumbuhan pendapatan eksport yang sederhana. Pada tahun 1996 dan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pertumbuhan pendapatan eksport telah dipengaruhi oleh paras harga eksport yang tidak berubah pada tahun 1996 dan paras harga eksport yang rendah dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Carta 3 menunjukkan kesan pergerakan harga eksport dan jumlah eksport dari segi kuantiti barangan perkilangan ke atas pendapatan eksport keseluruhan dan hasil eksport barangan perkilangan.

III. Indeks Harga Import dan Hubungannya Dengan Pergerakan Kadar Pertukaran

Harga purata import, yang digambarkan oleh Indeks Harga Pengeluar import yang dikumpul oleh Jabatan Perangkaan, adalah stabil sejak tahun 1987 hingga tujuh bulan pertama tahun 1997. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, indeks



Jadual 2

Kadar Syarat Perdagangan dan Arah Aliran Kadar Pertukaran, 1987-1997*

Indeks (1987=100)

	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997
Harga eksport	100.0	109.3	114.7	117.2	121.2	119.3	127.4	136.5	149.0	149.5	146.3
Harga import	100.0	104.3	108.6	109.0	110.9	110.8	112.5	112.8	113.6	113.7	115.0
Kadar syarat perdagangan	100.0	104.8	105.7	107.5	109.3	107.7	113.2	121.0	131.1	131.5	127.3
Kadar pertukaran	100.0	90.6	89.1	88.2	83.9	87.2	83.8	79.1	79.1	82.5	85.9

Kadar Perubahan Tahunan (%)

	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1987-95	1996-97
Harga eksport	11.1	9.3	5.0	2.2	3.4	-1.5	6.7	7.2	9.1	0.4	-2.1	5.8	-0.9
Harga import	1.2	4.3	4.1	0.4	1.7	-0.1	1.6	0.3	0.7	0.1	1.1	1.6	0.6
Kadar syarat perdagangan	9.8	4.8	0.8	1.8	1.7	-1.4	5.1	6.9	8.4	0.3	-3.2	4.1	-1.5
Kadar pertukaran	-5.3	-9.4	-1.6	-0.9	-4.9	4.0	-3.9	-5.7	0.0	4.3	4.1	-3.2	4.2

*Bagi tahun 1997, indeks merujuk kepada tujuh bulan pertama

Jadual 3**Indeks Harga Eksport, Jumlah dan Pendapatan, 1987-1997*****Indeks (1987=100)**

	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997
Pendapatan Eksport	100.0	121.1	148.9	175.5	209.3	228.3	268.1	341.1	411.1	437.9	448.7
Jumlah Eksport (kuantiti)	100.0	110.7	129.8	149.7	172.7	191.3	210.5	249.8	276.0	292.9	306.7
Harga Eksport	100.0	109.3	114.7	117.2	121.2	119.3	127.4	136.5	149.0	149.5	146.3

Kadar Perubahan Tahunan (%)

	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1987-95	1996-97
Pendapatan Eksport	28.2	21.1	23.0	17.9	19.2	9.1	17.4	27.3	20.5	6.5	2.5	20.3	4.5
Jumlah Eksport (kuantiti)	15.4	10.7	17.2	15.4	15.3	10.8	10.0	18.7	10.5	6.1	4.7	13.7	5.4
Harga Eksport	11.1	9.3	5.0	2.2	3.4	-1.5	6.7	7.2	9.1	0.4	-2.1	5.8	-0.9

Bagi tahun 1997, indeks merujuk kepada tujuh bulan pertama*Jadual 4****Kesan Perubahan Harga dan Jumlah (Kuantiti) Eksport Ke atas Pendapatan Keseluruhan Eksport, 1987-1997*****Indeks (1987=100)**


	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997
Jumlah pendapatan eksport	100.0	121.1	148.9	175.5	209.3	228.3	268.1	341.1	411.1	437.9	448.7
Pendapatan eksport perkilangan	100.0	132.0	179.7	230.2	301.9	349.6	440.8	590.2	725.1	783.5	797.6
Harga eksport barangan perkilangan	100.0	109.3	118.9	121.7	127.2	126.7	133.7	145.9	156.2	156.7	145.9
Jumlah Eksport barangan perkilangan (kuantiti)	100.0	120.7	151.1	189.2	237.3	275.8	329.6	404.6	464.1	500.0	546.7

Kadar Perubahan Tahunan (%)

	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1987-95	1996-97
Jumlah pendapatan eksport	28.2	21.1	23.0	17.9	19.2	9.1	17.4	27.3	20.5	6.5	2.5	20.3	4.5
Pendapatan eksport perkilangan	32.5	32.0	36.2	28.1	31.1	15.8	26.1	33.9	22.9	8.1	1.8	28.6	4.9
Harga eksport barangan perkilangan	5.6	9.3	8.8	2.3	4.6	-0.4	5.5	9.1	7.1	0.3	-6.9	5.7	-3.4
Jumlah eksport barangan perkilangan (kuantiti)	25.5	20.7	25.2	25.2	25.4	16.3	19.5	22.7	14.7	7.7	9.3	21.6	8.5

***Bagi tahun 1997, indeks merujuk kepada tujuh bulan pertama**

Carta 3
Kesan Perubahan Harga Eksport dan Jumlah
Eksport (Kuantiti) Ke atas Pendapatan Eksport
Barangan Perkilangan dan Jumlah Pendapatan Eksport



* Bagi tahun 1997, indeks merujuk kepada tujuh bulan pertama

harga import secara jumlah terkumpul hanya meningkat sebanyak 15% sejak tahun 1987 hingga tujuh bulan pertama tahun 1997 atau secara puratanya hanya 1.4% setahun. Harga import yang stabil ini dicerminkan oleh kadar inflasi yang rendah dikalangan rakan dagangan utama Malaysia. Pergerakan kadar pertukaran tidak banyak mempengaruhi pergerakan harga import, seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1 dan Jadual 2.

IV. Kadar Syarat Perdagangan

Akibat daripada peningkatan harga eksport yang pesat dalam tempoh 1987-1995 berbanding dengan harga import, kecuali pada tahun 1992, kadar syarat perdagangan luar telah memihak kepada Malaysia dalam tempoh berkenaan, kecuali pada tahun 1992. Seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1 dan Jadual 2, indeks kadar syarat perdagangan meningkat dengan ketara dan memihak kepada Malaysia dalam tempoh perbandingan, kecuali pada tahun 1992. Peratusan perubahan indeks kadar syarat perdagangan

Malaysia secara terkumpul dalam tempoh 1987-1995 ialah 31.1% atau pada kadar purata tahunan 4.1%.

Dengan harga eksport mencatatkan kadar peningkatan yang lebih tinggi sedikit berbanding dengan harga import pada tahun 1996, maka kadar syarat perdagangan luar Malaysia hanya bertambah baik sedikit sahaja. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, kadar syarat perdagangan Malaysia kembali mengalami kemerosotan sebanyak 3.2%, di mana harga eksport telah merosot dan harga import pula meningkat. Ini merupakan buat kali pertama sejak tahun 1992, Malaysia mencatatkan kemerosotan dalam kadar syarat perdagangan.

V. Penutup

Secara amnya, kadar syarat perdagangan luar telah memihak kepada Malaysia dalam tempoh tahun 1987-1995. Walau bagaimanapun, pada tahun 1996, kadar syarat perdagangan adalah seimbang manakala dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, Malaysia mengalami kerugian. Pergerakan kadar syarat perdagangan yang menggalakkan dalam tempoh tahun 1987-1995 sebahagian besarnya berpunca daripada peningkatan harga eksport keseluruhan manakala harga import pula dalam keadaan stabil. Peningkatan harga eksport keseluruhan dan kadar syarat perdagangan dalam tempoh berkenaan boleh dikaitkan secara langsung dengan kejatuhan nilai ringgit. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, kadar syarat perdagangan tidak memihak kepada Malaysia. Ini disebabkan oleh kejatuhan dalam harga eksport purata yang seakan berkorelasi dengan kenaikan nilai ringgit. Perubahan kadar pertukaran ringgit pada masa lalu telah memberi kesan yang ketara terhadap harga eksport keseluruhan dan selanjutnya ke atas kadar syarat perdagangan manakala harga import adalah stabil secara perbandingan dan tidak dipengaruhi oleh perubahan kadar pertukaran. Harga import yang agak stabil ini disebabkan oleh kadar inflasi yang rendah dikalangan negara-negara rakan dagangan Malaysia. Berdasarkan pengalaman lalu, adalah diandaikan bahawa penyusutan nilai ringgit sejak kebelakangan ini boleh memperkukuhkan kembali harga eksport keseluruhan dan kadar syarat perdagangan Malaysia jika kadar inflasi dikalangan rakan dagangan utama Malaysia terus kekal rendah.